

**Jilid II
Bil. 47**



**Hari Selasa
6hb November 1984**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6729]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 6765]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985 [Ruangan 6766]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM*Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG KEDUA****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M., TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kelapa Batas).
- „ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.I., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL ALIAS MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N. P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).

- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasar Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasar Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahaya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidek.

Pemberita-pemberita:

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 6hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN
PERTANYAAN

KERETAPI TANAH
MELAYU—PERKHIDMATAN

1. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan
minta Menteri Pengangkutan
menyatakan:

- (a) mengapakah tentang keretapi sahaja masih dinamakan Keretapi Tanah Melayu sedangkan yang lain-lain semuanya sudah tidak ada lagi nama Tanah Melayu;
- (b) adakah Kerajaan mengetahui mengapa orang ramai kurang minat menggunakan keretapi untuk perjalanan mereka, adakah ketiadaan selesa tempat duduk dan kebersihan di dalam keretapi itu sendiri atau kerana keretapi kita kurang laju disebabkan enjin-enjinnya sudah terlalu tua atau lama; adakah kita boleh yakin dan percaya orang ramai akan suka menaiki keretapi jika keretapi kita laju seperti keretapi-keretapi di negara maju;

(c) adakah peluang-peluang membeli tiket keretapi dengan menggunakan kredit-kredit kad itu satu daripada langkah yang membolehkan orang ramai suka menaiki keretapi; dan

(d) Ahli-ahli Parlimen yang berulang-alik pada masa Parlimen bersidang seperti dari Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Pahang, Kelantan, yang mana mereka mendapat percuma tiket-tiket keretapi maka berapa ramaikah Ahli-ahli Parlimen ini menggunakan keretapi untuk perjalanan mereka.

**Timbalan Menteri Pengangkutan
(Puan Hajjah Rahmah binti Othman):**
Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Kementerian Pengangkutan tidak bercadang menggantikan nama Keretapi Tanah Melayu seperti namanya sekarang kepada Keretapi Malaysia oleh kerana nama ini telah termaktub dalam Ordinan Keretapi, 1948 serta dikenali berpuluh-puluh tahun dan tidak ada sebab kenapa ianya patut ditukarkan. Lagipun nama Keretapi Tanah Melayu memang benar-benar mencerminkan bentuk operasi perkeretapian yang meliputi hanya Semenanjung Malaysia sahaja dan tidak meliputi negeri

Sabah, di mana terdapat juga satu perkhidmatan keretapi yang berasingan. Oleh yang demikian, penukaran nama Keretapi tanah Melayu kepada Keretapi Malaysia akan memberi implikasi terhadap Keretapi Sabah.

- (b) Adalah tidak benar sangkaan orang ramai kurang minat menggunakan keretapi kerana mengikut perangkaan yang ada, orang ramai memang berminat menggunakan perkhidmatan keretapi untuk perjalanan mereka seperti yang ditunjukkan berikut ini—

Tahun	Bilangan Penumpang
1976	6,400,283
1977	6,388,910 (0.18%)
1978	5,998,199 (6.12%)
1979	6,242,832 (4.8%)
1980	7,067,163 (13.20%)
1981	7,355,805 (4.8%)
1982	7,116,855 (3.25%)
1983	6,641,636 (6.68%)
1984 (hingga akhir bulan September)	7,411,000 (11.58%)

Untuk makluman Yang Berhormat, hanya pada tahun 1983 sahaja ada menunjukkan sedikit kekurangan penumpang dan ini adalah oleh kerana kemelesetan ekonomi negara dan juga dunia. Sungguhpun tidak dinafikan bahawa keretapi yang ada sekarang sudah ketinggalan zaman dari segi koc dan lokomotif yang usang, tetapi ini tidak menjejaskan minat orang ramai untuk menaiki keretapi. Sebab yang sebenarnya ialah kekurangan bilangan koc dan enjin. Dalam perkara ini Kerajaan sedang mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengatasi kedudukan bilangan koc dan enjin dengan membeli koc dan

enjin yang bermutu tinggi, tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diluluskan.

- (c) Jawabnya ya, ini adalah satu daripada langkah yang boleh menggalakkan orang ramai menaiki keretapi.
- (d) Sebilangan Ahli-ahli Yang Berhormat ada membuat perjalanan melalui keretapi, tetapi sama ada mereka membuat perjalanan tersebut khas bagi maksud menghadiri Parlimen atau lain-lain tugas, adalah sukar untuk ditentukan. Walau bagaimanapun, perangkaan menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan perkhidmatan rel di sepanjang tahun dan pada pendapat saya ini menunjukkan minat Yang Berhormat sekalian.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapannya tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan angka-angka orang-orang yang menggunakan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu kita. Jadi untuk menambahkan lagi jumlah penumpang-penumpang keretapi, mungkin perkhidmatan ini dapat diteruskan di negeri Terengganu yang masih tidak ada perkhidmatan keretapi. Jadi bilakah agaknya keretapi laju yang diura-urakan itu dapat dilaksanakan?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah adakah salah satu faktor yang menyebabkan mengapa ramai di antara rakyat kita tidak berapa berminat menaiki keretapi oleh kerana ada berlakunya kegelinciran keretapi penumpang dan jika ini merupakan satu faktor, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika beliau ada angka di sini, memberitahu jumlah pukul rata

tahunan berlakunya kegelinciran kereta penumpang dan apakah yang sebenarnya takrif kegelinciran?

Tuan Yang di-Pertua: Yang kedua itu, saya rasa tidak bersangkutan dengan soalan asal. Sila jawab yang pertama sahaja.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua.

Menambah lagi keretapi, soalan Yang Berhormat tadi. Minat orang ramai, adakah kita berminat untuk hendak mengadakan keretapi yang cepat. Memang di dalam rancangan Kementerian ini untuk berusaha untuk mengubahsuaikan keadaan keretapi yang ada sekarang ini.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati banyak rungutan-rungutan orang ramaimengenai dengan keselamatan di jalan raya oleh kerana seringnya berlaku kemalangan-kemalangan ini oleh kerana lori-lori yang membawa muatan-muatan yang berat seperti simen, balak, bahan-bahan besi dan lain-lain lagi. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu peraturan supaya wagon-wagon keretapi ini digunakan untuk membawa bahan-bahan yang berat ini.

Kedua, apakah Kementerian bercadang untuk memprivatisikan landasan keretapi yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang pertama itu tidak bersangkutan. Yang nombor 2 pun, pada fikiran saya, tidak bersangkutan juga.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk meningkatkan prestasi dan juga menjimatkan perbelanjaan, adakah Kerajaan bercadang untuk

menswastakan sebahagian daripada perkhidmatan keretapi terutamanya perkhidmatan untuk penumpang dan sekiranya ada, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan kepada Dewan ini tentang cadangan yang sebenarnya yang telah dibincangkan dan dirancangkan.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang berhormat berkenaan dengan meningkatkan prestasi, sebenarnya Kementerian sudahpun menjalankan untuk melibatkan ataupun memberikan perkhidmatan-perkhidmatan dan membaiki perkhidmatannya, memprivatisikan sebahagian daripada perkhidmatan yang diberikan dan yang ini ialah pertama sekali untuk membersihkan gerabak-gerabak keretapi kita dan yang kedua, saya rasa ini terjawab juga soalan Yang Berhormat dari Pekan bahawa kita juga sedang sekarang ini memikirkan stesen-stesen keretapi itu dan ini masih dalam peringkat permulaan sama ada stesen-stesen keretapi itu diperluaskan bagi menarik minat orang dan ini satu perancangan yang besar dan perlu memakan masa.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, secara tidak langsung saya inginlah menjawab soalan Yang Berhormat dari Pekan yang bertanya sama ada keretapi hendak memprivatisikan sebahagian daripada relnya, ini juga termasuk dalam perancangan kita.

YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

2. Datin Paduka Zaleha binti Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan mengenai Yayasan Tunku Abdul Rahman:

(a) berapakah jumlah asset Yayasan Tunku Abdul Rahman sehingga hari ini;

- (b) berapakah bilangan pelajar yang menikmati faedah biasiswa dan pinjaman dari Yayasan ini sejak mula hingga sekarang;
- (c) adakah yang engkar dari perjanjian tidak membayar balik; dan
- (d) jika ya, siapa mereka itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji (Ulis): Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapannya adalah seperti berikut:

- (a) jumlah asset Yayasan Tunku Abdul Rahman sehingga hari ini ialah \$11,165,780.00;
- (b) seramai 313 orang pelajar Malaysia telah menikmati biasiswa, pinjaman-pinjaman dan bantuan-bantuan pelajaran daripada Yayasan Tunku Abdul Rahman ini sejak ianya ditubuhkan dalam tahun 1966 hingga sekarang;
- (c) ada yang mengengkar perjanjian ini dan tidak membayar balik pinjaman;
- (d) mereka ini adalah seperti berikut—

Gordial Singh Nijar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah nama-nama itu?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak panjang?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Gordial Singh Nijar, Kamalagaram a/l Nadarajah, Francis Hirudayaraj Arul, Ismail bin Haji Sulaiman, Tiang Seng Yong, Hasnah binti Ahmad, James

George Undau, Mir Mohd. Baseer bin Mir Mohd. Hameed, Miranda Balaraj.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tadi ada menyatakan terdapat pelajar-pelajar yang mendapat biasiswa dan juga pinjaman-pinjaman tetapi engkar perjanjian dan cuba tidak mahu membayar pinjaman-pinjaman itu.

Soalan saya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menyebutkan kes engkar membayar balik pinjaman yang paling ketara sekali.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kes engkar membayar balik pinjaman yang paling ketara sekali yang dihadapi oleh Lembaga Pengarah Yayasan Tunku Abdul Rahman ialah kes yang melibatkan peminjam yang bernama Gordial Singh Nijar. Berbagai tindakan secara undang-undang telah diambil terhadap peminjam ini supaya membayar balik pinjamannya tetapi tidak berhasil.

Pihak Yayasan Tunku Abdul Rahman sedang meninjau kemungkinan-kemungkinan tindakan lain yang lebih berkesan untuk mendapatkan balik pinjaman tersebut.

Tuan yang di-Pertua, perlu saya jelaskan bahawa dalam usaha kita untuk menentukan yang sistem yang kita terima itu berjaya kita tidak hanya memerlukan undang-undang, yang perlu ialah keikhlasan dan kejujuran orang yang ada dalam masyarakat itu. Sekiranya undang-undang ketat sekalipun, kalau orang yang terlibat itu tidak jujur, tidak ikhlas maka semuanya tidak akan mendapat mencapai kejayaan dan inilah yang berlaku terhadap apa yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan cara mengesan yang digunakan ke atas peminjam-peminjam untuk mendapatkan balik pinjaman itu.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, cara Lembaga itu mengesan peminjam-peminjam untuk mendapatkan balik pinjaman-pinjaman mereka adalah seperti berikut:

- (1) menghubungi peminjam-peminjam secara surat dialamatkan kepada alamat semasa mereka (present address) ataupun dialamatkan kepada alamat asal mereka kalaupun diketahui;
- (2) sekiranya seseorang peminjam berkenaan tidak dapat dikesan, surat dihantar kepada kedua-dua orang penjamin mereka untuk memberitahu hal pinjaman dan mendapatkan alamat peminjam;
- (3) jika Yayasan Tunku Abdul Rahman mengetahui tempat peminjam bekerja pihak majikan peminjam dihubungi;
- (4) pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri dihubungi untuk mendapatkan alamat peminjam-peminjam sekiranya cara lain untuk mengesan peminjam tidak berhasil.

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Hasil dalam Negeri belum lagi memberi apa-apa maklumat setakat ini.

PENGANGKUTAN PERCUMA BAGI MURID-MURID SEKOLAH

3. Tuan Seow Hun Khim: minta Menteri Pelajaran menyatakan sama

ada Kementeriannya akan melaksanakan satu rancangan untuk mengangkut murid-murid sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan dengan percuma berulang-alik dari rumah ke sekolah.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pelajaran belum lagi bercadang untuk memberi kemudahan bas percuma untuk mengangkut anak-anak sekolah daripada sekolah ke rumah dan daripada rumah ke sekolah.

BANTUAN PER KAPITA KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH

4. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa apa yang sedang dialami oleh Sekolah-sekolah (Menengah dan Rendah) bantuan per kapita yang sedang berjalan sekarang ini adalah mengikut kadar yang sangat lama, sedangkan semua kos perbelanjaan dari berbagai segi telah berkali-kali naik dengan sebab itu pihak sekolah-sekolah mengalami kesulitan kewangan. Bilakah pihak Kementerian Pelajaran akan menimbangkan suatu kadar baru yang sesuai dengan kos perbelanjaan sekarang kepada sekolah-sekolah.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran mengakui bahawa kadar bantuan per kapita yang digunakan sekarang oleh sekolah-sekolah rendah dan menengah adalah mengikut kadar yang sangat lama. Kementerian Pelajaran telah pun menyemak kadar bantuan per kapita yang digunakan sekarang dan telah pun mengemukakan cadangan kepada Perbendaharaan. Walau bagaimanapun; kadar-kadar baru yang

dicadangkan itu belum dapat dilaksanakan lagi kerana kedudukan kewangan negara tidak mengizinkan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, selain daripada per kapita yang kekurangan diterima oleh sekolah-sekolah, adakah Yang Berhormat sedar bahawa bantuan perpustakaan kepada sekolah-sekolah juga adalah satu hal yang amat teruk sekarang dengan kenaikan harga buku-buku perpustakaan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu memandang berat terhadap pelajaran anak-anak kita. Memang Kerajaan sedar bahawa tidak semua kemudahan yang diberi kepada sekolah pada masa ini cukup. Kalau cukup pun, ada yang mengatakan tidak cukup. Jadi Kerajaan atas kesedaran ini sentiasa berusaha untuk menentukan supaya kemudahan seperti buku-buku di library/perpustakaan dapat ditambahkan. Namun demikian, ini juga bergantung kepada keizinan keadaan ekonomi kita pada masa sekarang.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu di dalam mengkaji semula kadar bayaran per kapita untuk sekolah-sekolah ini, adakah Kementerian bercadang untuk membuat perbezaan ataupun membuat kadar yang berlainan antara sekolah-sekolah yang di bandar dengan sekolah-sekolah yang di luar bandar iaitu dengan meninggikan kadar bagi sekolah-sekolah luar bandar, kerana sekolah di bandar biasanya murid-muridnya ramai, sekolah di luar bandar kebanyakan bilangan muridnya di bawah 100

orang. Jadi, dengan perbezaan ini sudah tentulah dapat memberi lebih peruntukan kepada sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan dan Kementerian Pelajaran khususnya memanglah mempunyai cara-cara yang tertentu, mungkin termasuk apa yang diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat. Tetapi untuk menjelaskan lebih lanjut lagi izinkan saya membaca sedikit sebanyak.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang-panjang sangat.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Asas-asas kadar baru yang difikirkan walaupun belum diluluskan, yang pertama, perbelanjaan untuk tiap-tiap murid bagi mendapat alat mengajar melebihi daripada wang yang diterima daripada geran per kapita;

Kedua, perbelanjaan yang dibuat untuk mata pelajaran yang tidak diberi peruntukan geran per kapita menggunakan peruntukan LPBT, LPK dan juga wang sewa;

Ketiga, geran per kapita baru patut diberi untuk beberapa mata pelajaran dan aktiviti tertentu yang tidak termasuk dalam bantuan sedang diberi iaitu pendidikan jasmani, perkhidmatan panduan dan kerjaya, sains sosial dan bahasa, perkhidmatan sebaran pendidikan, pelajaran agama Islam athika, pendidikan seni di sekolah menengah sahaja. Yang akhir sekali geran per kapita ke asrama sekolah, bantuan makanan dan wang saku pelajar patut ditambah yang sesuai kerana tekanan inflasi dan kesihatan penghuni asrama.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, adakah beliau sedar mengenai kekurangan atau masalah

yang dihadapi oleh Guru-guru Besar sama ada sekolah menengah atau sekolah rendah di mana pemberian alat-alat kepada sekolah ini ada berlaku sedikit pilih kasih, umpamanya ada sekolah yang dapat dan ada sekolah yang langsung ketinggalan sehingga mesin type pun tidak ada. Apakah tindakan Kementerian kepada pegawai-pegawai pembangunan di Jabatan Pelajaran Negeri atau Daerah atas perkara ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, pemberian perkakas, kemudahan kepada sekolah ini sebenarnya dilakukan berasaskan kepada grednya. Ada sekolah yang memang berkehendakkan typewriter tetapi grednya kecil dan kriterianya not eligible untuk mendapatkan itu dan yang mempunyai murid yang ramai yang grednya tinggi adalah eligible untuk mendapatkan itu. Sebab itulah didapati bahawa keadaan ini berlaku sebagaimana Ahli Yang Berhormat beritahu tadi.

USM—PUSAT PENGAJIAN PERUBATAN

5. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk memulakan pembinaan Pusat Pengajian Perubatan USM serta bangunan-bangunan kediaman bagi kakitangan dan pelajar-pelajar yang akan ditempatkan di sebelah Hospital USM di Kubang Krian, Kelantan. Adakah Kerajaan sedar bahawa penanguhan lanjut bukan sahaja akan menjejaskan keberkesanan rancangan pengajian perubatan ini tetapi akan juga mengakibatkan kos pembinaan yang lebih tinggi apabila ianya dilaksanakan nanti. Apakah langkah-langkah konkrit yang akan Kerajaan ambil untuk mempercepatkan pembinaannya, termasuk mempertimbangkan kemungkinan penswastaan atau usaha-usaha (joint-venture).

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Pusat Pengajian Perubatan USM, Kubang Krian sudahpun dimulakan. Namun begitu, pembinaan projek ini terpaksa dijalankan berperingkat-peringkat kerana kedudukan kewangan negara tidak mengizinkan. Setakat ini berapa buah bangunan sudahpun disiapkan. Antaranya ialah dua blok asrama jururawat, satu blok asrama doktor pelatih, 80 unit tempat kediaman juga telah dibeli dari Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan. Di samping itu kerja-kerja lain juga sedang berjalan lancar. Antaranya ialah kerja-kerja infrastruktur yang menelan belanja sebanyak \$28.9 juta, dijangka siap pada bulan Disember, 1984. Pembinaan satu blok bangunan asrama pelajar berharga \$2.8 juta dijangka siap pada bulan November, 1984. Pembinaan satu blok bangunan perpustakaan berharga \$6.8 juta dijangka siap pada bulan Jun, 1985.

Kerajaan belum bercadang untuk menswastakan atau membuat usahasama (joint venture) dengan mana-mana pihak untuk pembinaan Pusat Pengajian USM ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran bagaimana jawapannya tadi, bahawa rumah-rumah kakitangan hospital ini dibekalkan atau dibeli daripada PKINK (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Iktisad Negeri Kelantan) melalui satu syarikat. Tetapi adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa tapak yang dibeli itu adalah terlampau jauh daripada tempat bangunan hospital itu sendiri, kira-kira 5 batu. Apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyediakan tapak rumah kediaman bagi kakitangan hospital ini tempat yang berhampiran, misalnya, di depan kawasan itu tanahnya masih luas yang mungkin

boleh dijadikan rumah dan apakah pihak Kementerian tidak mahu membantu dalam perkara ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, secara peribadi (personal) saya belum sedar. Tetapi saya akan selidik dan pandangan Ahli Yang Berhormat untuk mengadakan kemudahan perumahan yang lebih dekat kepada hospital itu, insya Allah, akan kita kaji.

LAYANAN PREFERENTIAL KEPADA INDUSTRI PEMBINAAN

6. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbang meluluskan layanan "preferential" kepada industri pembinaan "domestic" untuk memperlahankan keluaran yang "substantial" wang-wang bayaran atas kontrak dan bayaran-bayaran profesional, royalti-royalti, komisyen-komisyen dan sewaan-sewaan khususnya atas kontrak-kontrak "turnkey" yang dikurniakan kepada orang-orang asing memandangkan hakikat bahawa kita telah sampai ke suatu situasi kewangan yang serius di mana kedudukannya tidak sebegitu penting untuk menamatkan sesuatu projek dengan cepat bahkan ia adalah amat penting bahawa negara kita mesti mengurangkan beban hutang luar di mana "servicing" hutang kian bertambah yang menjadi satu ancaman kepada "availability" wang bagi pembangunan yang perlu agar menyelenggarakan terusnya satu pertumbuhan ekonomi yang sederhana bagi negara kita.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi dasar dan amalan Kerajaan memberi layanan keutamaan

(preferential treatment) kepada industri pembinaan tempatan dalam pelaksanaan projek. Keutamaan-keutamaan itu meliputi:

- (1) pemberian kontrak kepada kotraktor-kotraktor tempatan di mana tawaran mereka memenuhi spesifikasi tender.
- (2) penggunaan bahan binaan tempatan dalam projek di mana kualiti bahan-bahan tersebut adalah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, amalan ini dipakai bagi kontrak-kontrak yang dilaksanakan secara conventional dan juga turnkey yang digunakan hanya untuk projek yang tertentu sahaja. Bagi projek-projek yang ditender secara antarabangsa, Kerajaan mengenakan beberapa syarat kontrak yang boleh mengurangkan pengaliran keluar wang negara oleh kotraktor-kotraktor asing. Syarat-syarat berkenaan adalah seperti berikut—
 - (a) mewajibkan kotraktor asing memberikan kerja-kerja sub-kontrak kepada kotraktor-kotraktor tempatan di mana nilai sub-contract adalah tidak kurang daripada 30% nilai keseluruhan kontrak. Dengan cara ini sebahagian daripada perbelanjaan projek dapat dikekalkan dalam negeri;
 - (b) mewajibkan syarikat-syarikat asing menggunakan perkhidmatan perunding tempatan. Dengan ini sebahagian dari bayaran profesional dari projek berkenaan dapat dikekalkan dalam negeri;

- (c) mewajibkan kontraktor asing menggunakan syarikat-syarikat pengangkutan negara iaitu MAS, MISC dan Container National untuk mengangkut barang yang diimport bagi digunakan dalam projek berkenaan. Langkah ini dapat meningkatkan pendapatan dari aspek invisible trade;
- (d) mewajibkan kontraktor-kontraktor asing mengeluarkan sandaran bank (bank guarantee) dengan menggunakan perkhidmatan bank-bank tempatan dalam negeri. Dengan ini bayaran komisen dibuat kepada bank tempatan;
- (e) mengenakan syarat counter trading dengan izin, di mana kontraktor-kontraktor asing yang mendapatkan kontrak dikehendaki mengurus pembelian barang keluaran Malaysia bagi negara mereka atau menerima bayaran dalam bentuk barangan keluaran kita.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat supaya tempoh siap projek dilambatkan sebagai satu cara untuk mengurangkan pengaliran perbelanjaan negara, ianya adalah satu pandangan yang baik. Walau bagaimanapun, cara ini tidak menguntungkan Kerajaan dari segi jangka panjang kerana kenaikan kos faktor-faktor "input" Kerajaan seperti buruh, tenaga profesional, bahan-bahan binaan dan peralatan serta kelengkapan akan mengakibatkan kos projek turut naik. Kenaikan kos ini akan terpaksa juga ditanggung oleh Kerajaan.

Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan mengamalkan dasar berjimat cermat dengan cara menyusun semula pelaksanaan program-program pembangunan untuk disesuaikan dengan kemampuan kewangan negara. Keutamaan pelaksanaan adalah atas pertimbangan bahawa program-program dan projek-projek tersebut tidak membebankan imbalan bayaran negara. Cara ini menjadi guiding principles, dengan izin, dalam perancangan dan pengurusan ekonomi negara pada masa ini dan juga untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada kadar yang dirancang.

Atas hakikat ini maka dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Keempat yang dijalankan baru-baru ini sebilangan projek telah dijadual semula pelaksanaannya dan ada juga yang dibatalkan terus.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa industri pembinaan tempatan pada masa kini mengalami persaingan yang hebat daripada kontraktor-kontraktor asing, dan sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang hal ini, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menambahkan insentif-insentif untuk industri pembinaan tempatan supaya mereka dapat berasing dengan lebih hebat dengan kontraktor asing?

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa kontraktor-kontraktor asing diwajibkan untuk memberikan sub-kontrak kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Suka saya mendapat tahu sama ada pihak Jabatan Perdana Menteri mempunyai suatu Jawatankuasa Khas untuk mengawasi ataupun untuk menentukan bahawa sub-kontrak ini

ada diberikan kepada kontraktor-kontraktor tempatan mengikut apa yang telah ditetapkan.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga apa yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi maka pihak rakyat sendiri pun haruslah mempunyai semangat "competitive" dan jangan hanya bergantung kepada usaha Kerajaan sahaja.

Walau bagaimanapun pihak Kerajaan menyediakan berbagai-bagai langkah untuk menjaga kepentingan tempatan terutamanya dari segi penglibatan perunding-perunding tempatan, kontraktor-kontraktor tempatan dan juga pengusaha-pengusaha serta pengeluar-pengeluar barangan tempatan, Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat di dalam pengkajian kontrak "turnkey" supaya:

- (1) kontraktor "turnkey" mengadakan gabungan dengan perunding-perunding tempatan dari disiplin-disiplin akitek, kejuruteraan, ukur bahan dan perancang;
- (2) kontraktor-kontraktor menubuhkan usaha sama (joint-venture) ataupun gabungan (partnership) dengan kontraktor-kontraktor ataupun pengusaha-pengusaha tempatan di mana penyertaan ekuiti tempatan tidak kurang daripada 30%; dan
- (3) memberikan sub-kontrak kepada kontraktor-kontraktor tempatan di mana nilai sub-kontraktor tidak kurang dari 30% dari nilai kontrak itu.

Dan juga tentang tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi menjaga kepentingan pengurusan ini maka satu Jawatankuasa telah pun ditubuhkan dan ketentuan telah pun dibuat dan mungkin dalam masa dua

tiga bulan lagi semua peraturan mengambil tender kerja secara tempatan ialah:

- (1) Tender-tender yang nilainya dianggarkan \$10 juta ke bawah hendak ditawarkan khusus kepada syarikat-syarikat yang 100% milik tempatan yakni warganegara.
- (2) Tender-tender yang bernilai lebih dari \$10 juta dibuka kepada syarikat-syarikat yang ditubuh dan didaftarkan di Malaysia yakni locally incorporated, dengan izin, di samping syarikat-syarikat milik tempatan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar walaupun terdapat syarat-syarat yang telah dikenakan oleh pihak Kerajaan kepada kontraktor-kontraktor asing ini tetapi mereka telah cuba untuk mengelakkan syarat-syarat tersebut dengan berbagai-bagai alasan, dan sekiranya sedar, adakah Kerajaan bercadang untuk menyenarai hitamkan kontraktor-kontraktor berkenaan dan apakah langkah-langkah lain untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan pada masa-masa yang akan datang?

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat itu. Sekiranya mereka ini enggan dan menyeleweng daripada apa yang telah kita syaratkan maka besar kemungkinan mereka ini akan diblacklistkan.

POLIS DI-RAJA MALAYSIA— CUTI BELAJAR

7. Tuan Abdillah bin Haji Abd. Hamid minta Menteri Dalam Negeri

menyatakan apakah dasar Polis Di-Raja Malaysia dalam hal anggota-anggota melanjutkan pelajaran sejak tahun 1978 hingga tahun 1984 khususnya ke luar negeri. Berapa ramaikah anggota yang mendapat kelulusan cuti belajar tanpa gaji dan berapakah yang telah meletakkan jawatan oleh kerana tidak mendapat kebenaran sejak tahun 1978-1984.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Polis Di-Raja Malaysia menggalakkan pegawai-pegawai dan anggotanya melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri bagi meningkatkan tahap kemajuan kerjaya, menambahkan pengetahuan dan kecekapan.

Kerajaan telah membenarkan seramai 102 orang pegawai-pegawai dan anggota Polis cuti belajar tanpa gaji bagi melanjutkan pelajaran mereka sejak tahun 1978 sehingga sekarang untuk mengikut berbagai-bagai kursus meliputi bidang teknikal, profesionalisme dan akademik dari peringkat diploma, ijazah asas hinggalah ke ijazah lanjutan. Sungguhpun begitu tidak semua pegawai dan anggota Polis yang memohon untuk melanjutkan pelajaran diluluskan oleh Kerajaan. Pemilihan adalah dibuat berasaskan kepada kelayakan, keperluan dan kemampuan organisasi serta kesesuaian calon.

Sejak tahun 1978 sehingga sekarang seramai 14 orang pegawai dan anggota Polis telah meletakkan jawatan kerana gagal mendapatkan cuti belajar.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa setakat ini ada 102 orang anggota Polis telah diberikan kelulusan untuk melanjutkan pelajaran. Jadi daripada 102 orang ini berapakah pula yang

telah balik semula berkhidmat dengan Polis Di-Raja dan berapakah pula yang berkhidmat dengan sektor swasta.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bukan semuanya yang telah diberi kelulusan untuk melanjutkan pelajaran mereka tanpa gaji telah pun pulang, jadi saya tidaklah boleh menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu dengan tepat.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tentang perkara ini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu atas sebab-sebab apa Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar dibenarkan ke London belajar undang-undang, dan sama ada beliau bercuti tanpa gaji atau diberi gaji yang penuh dan adakah perbelanjaan pelajarannya ditanggung oleh Kerajaan? Jika ya, apa faedahnya negara kita akan dapat?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa soalan Ahli Yang Berhormat ini memerlukan jawapan yang tepat dan tidak mengikut soalan asal yang begitu general saya mohon notis untuk menjawab.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menerangkan bahawa 102 orang pegawai dan anggota Polis telah dibenarkan cuti tanpa gaji kerana melanjutkan pelajaran. Soalannya adakah Kementerian yang berkenaan bercadang hendak memberi cuti gaji penuh atau separuh gaji kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota Polis yang akan melanjutkan pelajarannya demi kepentingan pasukan Polis itu sendiri.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana

yang saya terangkan tadi memang menjadi hasrat Polis Di-Raja Malaysia untuk menggalakkan pegawai dan anggotanya memajukan diri dengan mengikuti pengajian dalam bidang-bidang tertentu. Dan mereka yang telah membuat permohonan untuk melanjutkan pelajaran tanpa gaji diberi kelulusan iaitu angka sebanyak 102 orang semenjak tahun 1978. Ada juga mereka yang telah melanjutkan pelajaran mendapat biasiswa tanpa gaji, ada yang mendapat biasiswa bergaji penuh dan ada juga yang bergaji penuh tanpa biasiswa.

Selain daripada angka 102 orang tersebut, terdapat juga banyak lagi pegawai-pegawai yang mendapat kelulusan dalam bidang-bidang yang tertentu.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga pihak Polis Di-Raja Malaysia selalunya memberi latihan-latihan untuk memajukan kerjaya dan meninggikan pengetahuan pegawai-pegawai Polis. Semenjak tahun 1978, seramai 160 orang pegawai telah pun melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi di luar negeri dan di dalam negeri sebanyak 72 orang. Sehingga sekarang kita telah pun berjaya melatih pegawai-pegawai Polis mendapat kelulusan Diploma sehingga Sarjana, yang mana bilangan mereka adalah sebanyak 154 orang.

KENDERAAN MENGGUNAKAN KUASA GAS

8. Tuan Mohamed Idris bin Mohamad Basri minta Menteri Pengangkutan menyatakan setakat ini berapa buah kenderaan Kerajaan yang menggunakan kuasa gas. Mengapakah kegunaan gas tidak begitu hebat di kalangan kenderaan kepunyaan Kerajaan. Apakah dasar Kerajaan mengenai penggunaan gas bagi kenderaan dalam negara ini.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan setakat ini Kerajaan belum lagi menetapkan dasar tertentu mengenai penggunaan gas petroleum cecair bagi kenderaan dalam negeri ini. Walau bagaimanapun sukalah saya maklumkan bahawa sehingga kini sebanyak 18 buah kenderaan Kerajaan telah dipasangkan dengan sistem bahan api gas petroleum cecair.

Kegunaan sistem bahan api gas untuk kenderaan ini tidak begitu hebat di kalangan kenderaan kepunyaan Kerajaan oleh kerana tiada peruntukan dibekalkan bagi mengubahsuai kenderaan berkenaan daripada sistem menggunakan petrol kepada sistem menggunakan gas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Seroji bin Haji Haron.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron tidak hadir).

STRUKTUR CUKAI PENDAPATAN

10. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan dalam kajian mengenai struktur cukai pendapatan, adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta cukai di mana wang zakat yang dibayar oleh umat Islam adalah dimasukkan kira atau dianggap sebagai bayaran atau sebahagian bayaran cukai pendapatan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, bayaran zakat oleh umat Islam sememangnya ditolak daripada jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh yang berkenaan. Oleh itu adalah difikirkan tidak perlu bagi Kerajaan meminda Akta berkenaan bagi maksud ini.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal zakat dan soal cukai pendapatan, saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan pernah memikirkan untuk menukar konsep cukai pendapatan kepada konsep zakat bagi negara ini ataupun sekurang-kurangnya bagi orang Islam, dan kalau pernah ditimbang serta diputuskan bagaimana, sama ada hendak dilaksanakan pada satu masa ataupun tidak, kalau tidak apakah masalahnya dalam perkara ini.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita belum bercadang hendak berbuat demikian, cuma setakat seperti saya katakan tadi iaitu bayaran zakat bolehlah ditolak sebagai sebahagian daripada bayaran cukai pendapatan bagi umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Andrew Janggi Muyang.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Andrew Janggi Muyang tidak hadir).

HARGA PADI—PEMBELIAN

12. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapakah berlaku perbezaan potongan yang agak besar antara LPN dan kilang swasta dalam pembelian padi bagi musim ini terutamanya di Negeri Kedah. Adakah Kementerian sedar bahawa sistem pengangkutan pukal yang dirancang oleh LPN telah tidak digerakkan dengan betul menyebabkan padi-padi terpaksa diangkut secara biasa ke kompleks-kompleks LPN. Apakah langkah-langkah Kementerian bagi membantu petani-petani untuk mengurangkan sedikit masalah pengangkutan di kalangan mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmood): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar mengenai perbezaan potongan ke atas padi yang berlaku di antara pembelian oleh LPN dengan pembelian oleh kilang swasta termasuk yang di negeri Kedah. Perbezaan ini adalah disebabkan oleh mutu padi yang dijual oleh petani-petani berbeza-beza. Ada padi yang elok dihantar ke kilang-kilang swasta dan mendapat potongan yang rendah, manakala padi yang basah serta mempunyai kotoran yang lebih dihantar ke kilang LPN dan dengan itu dikenakan potongan wap basah dan kotoran yang tinggi. Ini ialah kerana LPN dianggap sebagai pembeli terakhir untuk padi petani-petani. Baru-baru ini LPN telah mengambil langkah membuat analisa ke atas mutu padi sebelum menetapkan kadar potongan padi setiap belian. Dengan cara ini LPN telah membuat potongan wap basah dan kotoran ke atas belian padi dengan lebih tepat.

Sukacita dimaklumkan bahawa sistem baru ini telah mendapat penerimaan pihak petani.

Mengenai pengangkutan secara pukal ianya masih lagi merupakan projek percubaan dan belum lagi dilaksanakan secara menyeluruh oleh LPN. Projek percubaan pengangkutan secara pukal sedang dicuba di beberapa tempat di Kedah, Perlis, Tanjung Karang, Sabak Bernam dan Pasir Putih, Kelantan. Hanya setelah projek percubaan ini dinilai hasilnya, maka ketentuan akan dibuat untuk melaksanakan atau tidak cara pengangkutan ini.

Dalam amalan pembelian padi oleh LPN, tanggungjawab mengadakan pengangkutan adalah merupakan tanggungjawab petani-petani. Walau bagaimanapun LPN telah mengambil beberapa langkah positif ke arah mengadakan kemudahan

pengangkutan iaitu dengan menggunakan lori LPN sendiri bagi mengangkut padi petani dari pusat belian ke kompleks LPN serta mengatur kemudahan pengangkutan lori swasta. Di samping itu pihak swasta mempunyai peranan dalam pengangkutan padi di kawasan sawah dan pihak Kementerian Perusahaan Awam bersedia menimbangkan pengeluaran permit "A" bagi lori-lori kecil mengangkut padi dalam musim-musim menuai bagi mengatasi masalah kekurangan pengangkutan.

Tuan Chan Kok Kit: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar di Sekinchan dan sungai Besar, Selangor baru-baru ini padi yang diletakkan di tepi jalan oleh petani-petani tidak diangkut oleh lori LPN. Berapa tan padi yang telah rosak akibat ini dan mengapakah lori hanya dihantar ke tempat tersebut untuk mengangkut padi itu selepas 7 hari.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, bilangan tan itu sukar bagi saya untuk menjawab di sini, oleh sebab perkara yang semacam ini kita memerlukan notis.

Untuk menjawab kenapa timbulnya padi-padi yang tidak terangkut di tempat yang disebutkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi, sebenarnya perkara ini telah pun dimaklumkan kepada umum melalui akhbar-akhbar. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Yang Berhormat keadaan yang berlaku di tempat-tempat itu pada tahun ini agak berbeza sedikit daripada tahun-tahun lepas, kerana pada tahun ini pihak swasta yang selalunya banyak membeli padi-padi daripada kawasan itu, tidak membeli mengikut kebiasaannya. Dengan hal yang demikian, pihak LPN tidak dapat membuat anggaran sebanyak manakah padi yang perlu diangkut walaupun sepertimana yang saya katakan tadi pengangkutan ini bukan soal LPN. Dengan unjuran

(projection) pengangkutan yang LPN buat dan dengan kemudahan-kemudahan yang ada sahajalah yang dapat di atasi. Dengan hal yang demikian, timbul masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

PEKEBUN-PEKEBUN KELAPA— BANTUAN

13. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Pertanian menerangkan:

- (a) sejauh mana usaha Kerajaan menolong pekebun-pekebun kelapa bagi menyaingi tanaman kelapa sawit dari segi penggunaan minyaknya dan pasarannya yang luas di serata dunia; dan
- (b) adakah Kerajaan telah merancang penanaman kacang soya secara besar-besaran kepada bumiputera memandangkan khasiatnya yang dapat menyaingi susu sebagaimana galakan yang telah diberi kepada tanaman tembakau yang akibatnya terganggu kesihatan penghisap-penghisapnya.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Dasar Pertanian Negara, Jabatan Pertanian telah dan sedang melaksanakan rancangan pembangunan penanaman kawasan kelapa. Tumpuan rancangan ini ialah terhadap perusahaan tanaman-tanaman selingan yang sesuai dan boleh mendatangkan pendapatan yang tinggi, terutama sekali koko. Kelapa adalah diusahakan sebagai tanaman pelindung bagi koko untuk memenuhi keperluan negara sahaja dari segi keperluan harian.

Kacang soya bukan merupakan tanaman yang perlu diusahakan di peringkat dasar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 14.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan berbalik semula. Yang Berhormat Tuan Andrew Janggi Muiyang.

Tuan Richard Dampeng anak Laki: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 11.

HOSPITAL DAERAH SRI AMAN—KEKURANGAN DOKTOR PAKAR

11. Tuan Richard Dampeng Anak Laki (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menerangkan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan doktor pakar dan peralatan-peralatan di hospital-hospital daerah, terutama Hospital Sri Aman, Sarawak. Berapa banyakkah perbelanjaan yang digunakan tiap-tiap tahun untuk membiayai perkhidmatan Doktor Udara (*Flying Doctor Service*) di Sarawak.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Hospital Daerah Sri Aman yang mempunyai 145 katil merupakan hospital tanpa doktor pakar. Perkhidmatan kepakaran disediakan di Hospital Besar, Kuching dan Hospital Daerah Sibul, Miri dan Bintulu. Kekurangan pakar terdapat pada keseluruhannya

di dalam perkhidmatan Kerajaan dan ini bukanlah berlaku di Negeri Sarawak sahaja.

Pada pertengahan bulan September, tahun ini terdapat 30 doktor pakar yang berkhidmat di Negeri Sarawak. Pesakit-pesakit dari Hospital-hospital Daerah yang memerlukan rawatan pakar adalah dirujuk kepada hospital-hospital yang mempunyai perkhidmatan pakar untuk rawatan selanjutnya. Di samping itu, pakar-pakar melawat ke Hospital-hospital Daerah yang tidak mempunyai perkhidmatan pakar dari masa ke masa untuk mengadakan klinik-klinik pakar serta merawat pesakit-pesakit.

Langkah-langkah yang berikut telah juga diambil untuk mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor pakar di dalam perkhidmatan kita di Sarawak:

- (1) pemberian biasiswa dengan cuti atau tanpa gaji. Beberapa pegawai perubatan diberi biasiswa cuti dengan tanpa gaji untuk mengikuti kursus lepasan ijazah di luar negeri dan di dalam negeri. Dari Negeri Sarawak 5 orang pegawai perubatan sedang mengikuti kursus lepasan ijazah dalam disiplin-disiplin kepakaran di luar negeri;
- (2) pengambilan doktor-doktor pakar dari luar. Pakar-pakar yang sesuai dari negara-negara jiran diambil secara kontrak dan pengambilan ini seramai 21 orang ditempatkan di Sarawak pada masa ini.

Mengenai alat-alat kelengkapan di hospital-hospital di Negeri Sarawak, saya suka memberitahu bahawa semua hospital di Sarawak adalah dilengkapi dengan alat-alat kelengkapan yang mencukupi, termasuk Hospital Sri Aman. Walau bagaimanapun, pembelian alat-alat kelengkapan adalah dilakukan apabila keadaan memerlukannya. Pada tahun ini sahaja pembelian peralatan adalah sebanyak \$17,000 untuk Hospital Sri Aman.

Bahagian kedua, perbelanjaan untuk Perkhidmatan Doktor Udara di Sarawak sejak permulaan perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Helicopter Digunakan</i>	<i>Perbelanjaan</i>
1975	2 buah	\$ 955,924
1976	2 buan	\$1,110,804
1977	2 buah (5 bulan) 3 buah (7 bulan)	\$1,308,164
1978	3 buah	\$1,580,164
1979	3 buah (8 bulan) 1 buah (4 bulan)	\$1,540,879
1980	3 buah	\$2,188,415
1981	3 buah	\$2,586,235
1982	3 buah (3 bulan)	\$2,722,112
1983	2 buah (8 bulan)	\$1,389,841

Pada tahun ini Perkhidmatan Doktor Udara telah dijalankan di Sarawak dengan menggunakan 2 buah helikopter, tetapi sejak awal bulan September tahun ini, sebuah helikopter lagi telah disewa untuk Perkhidmatan Doktor Udara ini dan perbelanjaan Perkhidmatan Doktor Udara di Sarawak pada tahun ini adalah dianggarkan sebanyak \$2,244,665.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebut kita memakai sistem rujukan untuk mendapatkan perkhidmatan pakar-pakar. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sistem rujukan kepada doktor-doktor pakar, terutamanya di Hospital Besar, Kuala Lumpur sahaja, setengahnya tak dapat di Pantai Timur, tidakkah sistem yang macam ini boleh dianggap sebagai sudah tidak sesuai lagi dengan masalah dan keperluan perkhidmatan perubatan dan kesihatan rakyat di negara kita ini? Dan bilakah agaknya kita dapat memperbaiki keadaan ini supaya "spread" perkhidmatan pakar ini boleh dibuat sedemikian rupa sehingga boleh lebih menyeluruh lagi di semua bahagian dalam negara kita ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya doktor-doktor pakar adalah ditempatkan di seluruh negara, khasnya di Hospital-hospital Besar dan sebahagian daripada kepakaran yang "super-specialist" adalah ditempatkan di Hospital Besar, Kuala Lumpur untuk memusatkan perkhidmatan "super-specialisation" itu. Jika kita membahagi-bahagikan "super-specialist" itu takut nanti kemudahan-kemudahan yang "supportive" atau menyokong untuk menjalankan tugas-tugas "super-specialist" ini tidak dapat dibekalkan di tempat-tempat yang lain.

Tetapi, saya dapat mengatakan bahawa semua negeri mempunyai sekurang-kurangnya kepakaran dalam 3 bidang perubatan di peringkat asas, iaitu perkhidmatan perubatan, pembedahan dan sakitpuan dan kanak-kanak (O & G). Selain daripada itu, kita cuba juga menempatkan pakar dalam bius, pakar orthopaedic dan sebagainya seberapa yang terdapat. Jadi, tidaklah betul untuk mengatakan bahawa perkhidmatan pakar perubatan hanya terdapat di Kuala Lumpur. Kita rasa "super-specialisation" itu adalah lebih elok jika dijadikan sebagai satu proses rujukan daripada hospital-hospital yang lain.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi saya lihat perbelanjaan Perkhidmatan Doktor Udara ini telah begitu banyak, seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Adakah Kementerian ini sedar bahawa perbelanjaan ini terlalu besar sekiranya kita teruskan. Kalau sedar, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengelakkan supaya kita tidak membelanjakan begitu besar wang untuk Perkhidmatan Doktor Udara di Sarawak?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang dapat mengaku bahawa Perkhidmatan Doktor Udara ini bukanlah satu cara kekal atau memuaskan untuk mengatasi keperluan, khususnya di kawasan-kawasan yang diberi perkhidmatan pada masa ini. Usaha dari Kementerian Kesihatan adalah untuk menambah kepada kemudahan-kemudahan static dengan klinik, Hospital Daerah dan sebagainya, khususnya di tempat-tempat yang terpencil yang pada masa ini hanya dapat dihubungi melalui satu perkhidmatan udara. Jadi, dalam masa jangka panjang kita harap di semua tempat di mana kita mempunyai jumlah penduduk yang cukup kita dapat mewujudkan perkhidmatan static melalui klinik-klinik yang kekal di tempat-tempat itu dengan kemudahan kakitangan yang dilatih dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf, tadi saya terlangkau soalan No. 9.

Yang Berhormat Tuan Haji Seroji bin Haji Haron.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA

9. **Tuan Othman bin Abdul** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya

menyatakan jumlah peruntukan dan bilangan kontrak yang telah diberi kepada pemborong-pemborong Bumiputera mengikut kelas dalam tahun 1982, 1983 dan 1984 dan jumlah peruntukan dan bilangan kontrak yang diberi kepada pemborong bukan Bumiputera dalam masa yang sama.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, bilangan kontrak dan nilai kontrak yang telah berjaya diperolehi oleh kontraktor-kontraktor bumiputera dan kontraktor-kontraktor bukan bumiputera daripada Jabatan Kerjaraya dalam tahun-tahun 1982, 1983 dan 1984 (sehingga bulan Ogos) adalah seperti berikut:

Tahun 1982

Bilangan kontraktor bumiputera ialah 429 dengan nilai kontrak yang mereka dapati \$253.8 juta berbanding dengan kontraktor bukan bumiputera seramai 224 dengan nilai kontrak \$123.8 juta.

Tahun 1983

Bilangan kontraktor bumiputera yang berjaya ialah 252 dengan nilai kontrak \$106.5 juta berbanding dengan kontraktor bukan bumiputera 283 dengan nilai kontrak \$145.7 juta.

Tahun 1984 (sehingga bulan Ogos)

Bilangan kontraktor bumiputera 184 dengan nilai kontrak \$188 juta dan bukan bumiputera 118 bilangan kontraktor dengan nilai kontrak \$77 juta.

Perangkaan-perangkaan ini adalah bagi kerja-kerja Persekutuan yang dikendalikan oleh Jabatan Kerjaraya dan tidak termasuk projek-projek Persekutuan bagi negeri Sabah dan negeri Sarawak. Bilangan dan nilai kontrak yang diberi kepada kontraktor-kontraktor bumiputera dan bukan bumiputera

mengikuti kelas di tahun-tahun 1982, 1983, 1984 (sehingga bulan Ogos) juga adalah seperti berikut—

Kelas A

Bilangan kontraktor bumiputera 62 dengan nilai kontrak \$170.6 juta dan bukan bumiputera bilangan kontraktor 55 dengan nilai kontrak \$118.3 juta.

Kelas B—BX

Bilangan kontraktor bumiputera 153 dengan nilai kontrak \$194.9 juta dan bukan bumiputera sebanyak 120 dengan nilai kontrak \$120.6 juta.

Kelas C dan D

Bilangan kontraktor bumiputera 242 dengan nilai kontrak \$134.2 juta berbanding dengan bukan bumiputera 196 dengan nilai kontrak \$78.8 juta.

Kelas E dan EX

Bilangan kontraktor bumiputera 193 dengan nilai kontrak \$38.5 juta dan bukan bumiputera 254 dengan nilai kontrak \$28.8 juta.

Kelas F

215 bilangan kontraktor bumiputera dengan nilai kontrak \$10.1 juta.

Kelas F tidak ada kontraktor bukan bumiputera.

Jumlah kontrak semua bagi bumiputera, kontraktor bumiputera ialah 865 kontraktor dengan nilai kontrak \$548.3 juta, bagi bukan bumiputera 645 dengan nilai kontrak \$346.5 juta dan seterusnya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, kalau kita tengok pemberian projek pada tahun 1982 dengan tahun 1984 agaknya tahun 1984 ini berkurangan

diberi kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Adakah ini disebabkan pada masa itu projek-projek ini banyak dibuat secara 'turnkey' atau diberi kepada kontraktor-kontraktor luar negeri ataupun sebab pada masa ini sudah habis projek, maka sebab itulah berkurangan pada tahun 1984?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun 1984 terdapat 184 kontrak yang diberi kepada bumiputera dan 118 kontraktor yang diberi kepada bukan bumiputera dan terdapat beberapa kontrak yang diberi kepada kontraktor-kontraktor luar yang ada usaha sama dengan kontrak dalam negeri. Ini menunjukkan bahawa bilangan kontraktor yang diberi adalah berasaskan projek-projek yang telah disenaraikan untuk tahun 1984 sesuai dengan keadaan ekonomi yang ada di dalam negara kita ini. Saya percaya bukanlah kontrak sebanyak ini sahaja yang dapat dikendalikan oleh Kerajaan tetapi oleh kerana kewangan yang begitu tidak mengizinkan maka inilah sahaja yang dapat kita adakan bagi tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 adalah diberi di bawah ini).

**MENTERI KABINET
MEREMPUH
PEMERIKSAAN KASTAM**

14. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan tatatertib yang telah diambil terhadap tiga orang Menteri Kabinet iaitu Datuk Dr Neo Yee Pan (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan); Tan Sri Chong Hon Nyan (Menteri Pengangkutan) dan Datuk Mak Hon Kam (Menteri Buruh) yang telah pada

Mei 1984 merempuh pemeriksaan kastam di tambak Johor Bahru tanpa berhenti kerana perbuatan tersebut melanggar cogankata 'Pimpinan Melalui Teladan'.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohammad): Peristiwa tidak berhenti di pemeriksaan Kastam pada 5 Mei 1984 oleh tiga orang Menteri Kabinet berkenaan adalah merupakan satu kesalahan yang mereka lakukan secara tidak disengajakan. Mereka terkeliru tentang tujuan sebenar lorong kosong yang mereka gunakan itu.

Memandangkan kesalahan itu dilakukan secara tidak sengaja, maka tindakan tatatertib tidak perlu diambil ke atas mereka. Dalam hal ini saya memaklumkan bahawa YB Menteri-Menteri berkenaan telah meminta maaf di atas kesalahan mereka itu. Selain dari itu mereka juga telah diberi ingatan supaya perkara ini tidak diulang di masa depan.

Untuk mengatasi daripada berlakunya perkara seperti ini di masa depan, satu lorong keutamaan akan diadakan di Tambak Johor yang akan digunakan bagi tujuan-tujuan kecemasan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (5hb November, 1984).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (5hb November, 1984).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, sila sambung.

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Mohammad Yahya bin Lampong): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menjawab sebahagian daripada persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya mohon izin untuk menyambung semula ucapan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu dan daya pengeluaran pertanian, meninggikan pendapatan petani dan pekerja di desa serta memudahkan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan serta lain-lain prasarana seperti jalan raya, sekolah, klinik, pasar dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, rancangan ini merupakan rancangan bersepadu yang mana semua agensi Kerajaan adalah terlibat. Agensi-agensi ini perlu memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan rancangan ini mengikut tanggungjawab dan kawasan projek yang dilaksanakan. Dalam hal ini Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa di peringkat negeri yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri bagi menyelaraskan projek ini di peringkat negeri. Setiausaha Kerajaan Negeri juga berharap menugaskan Pejabat Daerah di mana projek tersebut dilaksanakan untuk mengawas perkembangan dan kemajuan projek di daerah tersebut.

Saya suka jelaskan bahawa Pejabat-pejabat Daerah bukanlah ditugaskan untuk menguruskan rancangan kampung dan luar bandar tetapi sekadar menyelaras pelaksanaan projek ini di peringkat daerah memandangkan bahawa terdapat berbagai agensi Kerajaan yang terlibat di dalam melaksanakan rancangan ini. Dengan ini adalah difikirkan lebih berkesan jika penyelarasan di peringkat daerah ini dibuat oleh Pejabat Daerah yang mana institusi ini juga terlibat dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan soal-soal tanah.

Di peringkat Persekutuan pula, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bersama dengan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telah ditugaskan untuk mengawasi

pelaksanaan projek ini di seluruh negeri sejajar dengan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Surat Pekeliling beliau bertarikh 10hb Julai, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai teguran yang dibuat berkaitan dengan MARA. Seruan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Betong yang mungkin juga mewakili rakyat Sarawak serataratanya belum begitu berpuas hati dengan perkhidmatan MARA selama ini.

Yang Berhormat berkenaan juga mahu supaya Pejabat-pejabat MARA dibuka di 16 daerah yang lain di Sarawak dan mahu supaya Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Yang Berhormat Pengerusi MARA melawat Sarawak untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul. Juga beliau mahu supaya jumlah pengambilan pelatih-pelatih IKM di Semaran, Petra Jaya, Kuching ditingkatkan lagi di tahun-tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya tegaskan di sini bahawa sehingga ini sebanyak 10 buah pejabat MARA telah ditubuhkan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Dari jumlah tersebut sebanyak 3 buah pejabat telah ditubuhkan bagi perkhidmatan di dalam dua buah daerah. Senarai pejabat-pejabat MARA Sarawak adalah seperti berikut:

- (1) Kuching.
- (2) Simanggang.
- (3) Sarikei.
- (4) Serian.
- (5) Lundu.
- (6) Miri.
- (7) Limbang.
- (8) Sibul.
- (9) Mukah, dan
- (10) Bintulu.

Penglibatan MARA di Sarawak masih lagi berada di peringkat awal berbanding dengan usaha-usaha yang telah dijalankan di negeri-negeri di Semenanjung. Walau bagaimanapun, setakat ianya ditubuhkan MARA telah banyak memberikan faedah kepada penduduk Sarawak dari segi pinjaman khas iaitu dalam tahun 1980 hingga Jun 1984 sebanyak 489 orang telah mendapat faedah yang bernilai \$924,100.

Rancangan usahawan baru pula iaitu semenjak tahun 1973 hingga 1984 ialah 31 orang berjumlah \$870 ribu. Khidmat nasihat dan perundingan dari tahun 1982 hingga 1984 ialah 714, kemajuan usahawan dan bimbingan daripada tahun 1982 hingga 1984 ialah 1,950 orang diberi kursus, bantuan galakan atau pameran dan ekspo semenjak tahun 1982 hingga 1984 ialah 8 orang penerima dan ruang niaga MARA dari tahun 1981 hingga 1982, 122 unit yang bernilai kurang lebih \$2 juta.

Penubuhan pejabat-pejabat baharu di Sarawak bergantung kepada keperluan dan MARA sentiasa mengambil berat perkara ini dan menubuhkan pejabat-pejabat baharu sekiranya perlu. Mengenai dengan pelatih IKM di Semaran Petra Jaya pula saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini sebelum penubuhan sesebuah IKM di Sarawak pada tahun 1983, MARA telahpun memulakan pengambilan pelatih-pelatih yang berasal dari Sarawak untuk menuntut di Semenanjung. Sehingga tahun 1983 seramai 130 pelatih diambil untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran di Institut Kemahiran MARA di Melaka, Johor Baru, Petaling Jaya, Kuala Lumpur, Sungai Petani, Pekan dan Alor Setar. Pada tahun 1983 IKM Sarawak telah memulakan pengambilan pelatih dan dijangka seramai 816 orang pelatih-pelatih akan diambil menjelang tahun 1985 untuk

mengikuti kursus-kursus seperti berikut:

- (1) Menerap bata dan melep.
- (2) Kerja-kerja paip.
- (3) Pertukangan kayu dan tanggam.
- (4) Pertukangan perabot.
- (5) Kajisawat motor.
- (6) Kajisawat elektrik.
- (7) Kimpalan gas dan arca.

Dalam Rancangan Malaysia Yang Kelima iaitu tahun 1986 dan 1990, MARA bercadang untuk meningkatkan lagi pengambilan pelatih-pelatih dan adalah dijangka seramai 2,128 pelatih akan diambil untuk mengikuti kursus-kursus tersebut termasuk tiga kursus baharu yang akan ditawarkan Kajisawat motosikal, ketuk-mengetuk, mengecat kereta dan kajisawat elektrik.

Pada bulan Januari tahun 1984 sahaja seramai 46 orang pelatih diambil di kalangan pelatih-pelatih yang berasal dari negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran kepada Kementerian ini untuk selanjutnya dapat bertindak dan berfungsi bagi mewujudkan satu corak pentadbiran ke arah pembangunan di seluruh negara bagi seluruh lapisan rakyat. Semoga dengan teguran dan pandangan itu juga Kementerian ini akan dapat membangunkan kepentingan untuk faedah rakyat di luar bandar di semua bidang terutamanya keperluan asas juga untuk membaharui sikap masyarakat di negara ini, kepada teguran dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya sebutkan di Dewan yang mulia ini, ianya akan mendapat perhatian Kementerian saya secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

3.45 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara yang di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh perbincangan atas dasar-dasar am Belanjawan 1985, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, terutamanya mengenai rasuah, soal kecekapan, perkhidmatan dan perjawatan sektor awam, pembuangan sisa-sisa radio aktif, perkhidmatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji, penswastaan, perancang keluarga dan isu-isu yang berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru dan pembangunan negara.

Saya tidaklah bercadang hendak menjawab semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan kerana ada di antaranya telah dijelaskan dalam masa soal jawab tempoh hari. Walau bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara itu. Segala pandangan, teguran dan syor yang membina yang diberi dengan ikhlas adalah dihargai dan diambil perhatian.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai perkara rasuah. Di antaranya ialah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang telah menyoal sama ada Badan Pencegah Rasuah menyiasat kes Syarikat Minyak BERJAYA Sdn.

Bhd. di mana mengikut laporan yang diberi kepada Pendaftar Syarikat bahawasanya Yang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh ada memiliki saham sebanyak 600,000 daripada sejumlah 3 juta saham yang dikeluarkan. Persoalan yang ditimbulkan ialah sama ada wujud pertentangan kepentingan "conflict of interest" dengan izin, dalam perkara ini.

Dalam hal ini BPR tidak dapat memberi keputusan kerana sehingga sekarang tidak ada laporan kepada BPR yang dibuat oleh mana-mana pihak. Sekiranya laporan telah dibuat maka BPR akan menjalankan siasatan dan selepas siasatan baharulah dapat dibuat keputusan adakah daripada keterangan yang diperolehi, sesuatu kesalahan telah timbul.

Menyentuh tentang laporan dalam Majalah Time pada 27hb April 1981, sukalah saya nyatakan bahawa BPR telah pun mengambil perhatian mengenainya. Namun demikian BPR tidak dapat menentukan apa yang dibuat di dalam Majalah itu benar kerana tidak ada keterangan yang cukup untuk menyokong kenyataan yang dibuat. Sesiapa yang ada maklumat di dalam perkara ini, bolehlah memberi keterangan kepada BPR.

Ingin saya memberi jaminan bahawa BPR akan menjalankan siasatan yang rapi terhadap laporan/maklumat yang boleh dipercayai yang diterima daripada orang ramai. Siasatan akan dijalankan dengan adil, tanpa mengira kedudukan, darjat atau pangkat seseorang itu. Tanpa maklumat dan bukti yang cukup BPR tidak dapat mengambil sesuatu tindakan undang-undang terhadap sesiapa pun.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah membangkitkan bahawa pegawai dan kakitangan Kerajaan

adalah terdedah kepada kelemahan-kelemahan sistem yang menyebabkan mereka mudah terlibat dengan amalan rasuah. Selaras dengan hasrat Kerajaan bagi memesatkan pembangunan negara, jentera pentadbiran Kerajaan turut berkembang. Kepesatan perkembangan jentera pentadbiran Kerajaan itu kadangkala mendedahkan para pegawai dan kakitangan Kerajaan kepada kelemahan-kelemahan dalam sesuatu sistem sehingga mereka mudah melakukan rasuah. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan sedang dan akan terus mengkaji sistem ataupun tatacara kerja yang dilaksanakan oleh Kementerian, Jabatan ataupun Agensi-agensi Kerajaan. Dengan langkah itu Kerajaan akan memperbaiki dan memperkemas sistem atau tatacara kerja supaya peluang-peluang melakukan rasuah dapat ditutup sama sekali.

Dalam menghadapi masalah rasuah Kerajaan berpegang kepada konsep, dengan izin, "prevention is better than cure." Oleh itu Kerajaan sedang memperhebatkan pencegahan berbentuk "punitive" menerusi aktiviti siasatan dan mendakwa mereka yang berkenaan. Tindakan sedemikian ini telah berjaya menimbulkan perasaan takut, kesedaran dan keinsafan bukan sahaja di kalangan mereka yang pernah melakukan rasuah tetapi juga di kalangan mereka yang belum atau baru-baru hendak berjinak dengan rasuah. Selain daripada itu bilangan tangkapan yang semakin meningkat ke atas orang-orang awam telah berjaya menimbulkan kesedaran dan perasaan takut di kalangan mereka untuk terlibat dalam perbuatan rasuah.

Di samping usaha-usaha "punitive", ceramah-ceramah pencegahan mengenai rasuah akan terus dijalankan bagi menyedarkan rakyat dan juga kakitangan Kerajaan tentang jijiknya rasuah dan seterusnya

mengubah fikiran mereka supaya menghindarkan diri daripada perbuatan rasuah.

Adalah disedari bahawa tindakan-tindakan tatatertib dan hukuman mahkamah yang berat terhadap perbuatan rasuah belumlah tentu dapat membasmi perbuatan rasuah sepenuhnya. Oleh kerana itu, Kerajaan juga sedang giat berusaha untuk menanamkan sikap jujur, ikhlas, bersih, amanah dan takut kepada Tuhan. Hanya kejujuran dan keikhlasan hati yang dapat mengatasi godaan (temptation) rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang khususnya, saya ingin memaklumkan bahawa adalah tidak benar dikatakan bahawa pengambilan alih Bank Bumiputra oleh PETRONAS akan menyembunyikan segala masalah pengurusan kerana pengambilan alih seperti itu tidak akan mengecualikan Bank Bumiputra atau mana-mana syarikat daripada menyediakan laporan kewangannya sendiri seperti yang diperlukan di bawah Akta Syarikat, 1965.

Selain daripada itu Bank Bumiputra sebagai sebuah bank akan terus tertakluk kepada kawalan-kawalan tambahan yang dikenakan oleh Bank Negara dan peraturan-peraturan lain. Laporan kewangan beraudit Bank Bumiputra atau mana-mana syarikat yang diambil alih akan sentiasa menunjukkan prestasinya sendiri walaupun ianya menjadi anak syarikat PETRONAS atau agensi-agensi lain. Pengambilan alih seperti ini tidak boleh dianggap sebagai suatu precedent yang berbahaya yang akan mengelakkan pemeriksaan Kerajaan atas perakaunan awam pelaburan syarikat Kerajaan.

Pembelian saham Bank Bumiputra oleh PETRONAS telah dibuat atas asas penilaian pelaburan yang

munasabah. Sungguhpun pembelian ini dianggap sebagai pembelian yang munasabah oleh PETRONAS, Permodalan Nasional Berhad (PNB) juga berpuas hati dengan jualan ini dan juga memperolehi faedah-faedah yang sesuai.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tentulah sedar bahawa PETRONAS adalah suatu syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965. Oleh sebab itu PETRONAS mempunyai kuasa berbuat sesuatu mengikut peruntukan dalam Memorandum dan Perkara-perkara Persatuannya atau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "Memorandum and Articles of Association"nya. Memorandum dan Perkara-perkara Persatuannya membenarkan PETRONAS membeli syer-syer Bank Bumiputra. Maka Kerajaan berpendapat tidak ada sebab perkara ini dirujuk ke mahkamah untuk apa-apa pengisytiharan. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bolehlah dengan kerelaannya sendiri mengambil tindakan persendirian untuk merujuk perkara ini kepada pihak-pihak tertentu jika dibenarkan oleh undang-undang atau kaedah-kaedah lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh berkenaan pekeksportan LNG ke Jepun. Adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa negara kita berada dalam kedudukan yang lemah untuk merundingkan harga kontrak LNG. Malah harga kontrak LNG yang Malaysia perolehi adalah lebih baik dibandingkan dengan beberapa negara pengeluar gas. Juga perjanjian pekeksportan LNG jangka panjang dengan pihak Jepun, kita mendapat satu pasaran yang terjamin. Pelaksanaan projek LNG di Bintulu adalah berasaskan kepada satu kajian kemungkinan yang menunjukkan projek itu adalah satu projek yang

viable dari segi kos dan faedah semasa penilaian dibuat sebelum pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada yang bangkit, hendak beri jalan?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Cuba dengar.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberitahu berapakah harga kontrak LNG itu berbanding dengan apa yang disebutkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat iaitu lebih daripada \$800?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya perlu notis—mengambil catatan.

Malah harga kontrak LNG yang Malaysia perolehi, seperti saya sebutkan tadi, adalah lebih baik dibandingkan dengan beberapa negara pengeluar gas. Juga perjanjian pekeksportan LNG jangka panjang dengan pihak Jepun, kita mendapat satu pasaran yang terjamin. Pelaksanaan projek LNG di Bintulu, sekali lagi saya sebutkan, adalah berasaskan kepada satu kajian kemungkinan yang menunjukkan projek itu adalah satu projek yang viable.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai kecekapan perkhidmatan awam, masalah perkhidmatan dan perjawatan. Kecekapan seseorang pegawai adalah diukur dengan menilai sejauh mana ianya telah dapat melaksanakan tugas-tugas yang diberi kepadanya, sama ada cara-ara ia menjalankan tugas atau memberikan sesuatu khidmat itu memuaskan atau tidak dan

sumbangan-sumbangan lain bagi membolehkan sesuatu agensi Kerajaan mencapai objektif penubuhannya.

Penilaian terhadap tanggungjawab dan tugas yang dijalankan oleh seseorang pegawai dibuat berasaskan kepada laporan Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai atasannya, teguran dari rakan-rakan sejawat, orang bawahan atau orang ramai, dan asas-asas lain seperti perbandingan hasil kerjanya dengan hasil kerja pegawai-pegawai lain yang menjalankan kerja yang hampir sama.

Selain daripada itu kehadiran di pejabat mengikut waktu iaitu dari 8.00 pagi hingga 4.15 petang atau lebih dari itu, juga diambil perhatian. Jika ia selalu lewat datang ke pejabat, pulang sebelum waktu atau hilang dari pejabat dalam waktu bekerja tanpa kebenaran yang sah, sudah tentu tugas-tugasnya akan terganggu. Walaupun mutu kerjanya baik, perbuatan begitu akan dianggap sebagai tidak jujur dan amanah dan boleh merosakkan kecekapan pada keseluruhannya.

Menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat, sukalah saya menjelaskan bahawa pada kebiasaannya seseorang pegawai yang telah tamat mengikut kursus di luar negeri akan ditempatkan di jabatan-jabatan di mana ilmu pengetahuan, latihan dan pengalaman yang diperolehi semasa mengikuti kursus dapat digunakan. Pada keseluruhannya dari segi perkhidmatan kursus yang diikuti oleh pegawai-pegawai telah memberi manfaat kepada mutu perkhidmatan awam.

Mengenai soal Etika Kerja yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit, sukalah dinyatakan bahawa Kerajaan telah

menggubal satu garis panduan dinamakan "Garis Umum Etika Kerja Dalam Islam". Etika ini menggariskan lima asas utama untuk seseorang itu maju dalam hidupnya khasnya dalam menghasilkan perkhidmatan yang bermutu, iaitu:

- (1) Bekerja dengan azam mengabdikan diri kepada Allah.
- (2) Bekerja dengan ikhlas dan amanah.
- (3) Bekerja dengan tekun dan cekap.
- (4) Bekerja dengan semangat gotong-royong dan musyawarah serta berpadu fikiran.
- (5) Bekerja dengan matlamat kebahagiaan manusia sejagat.

Langkah-langkah sedang diambil oleh Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan untuk melaksanakan Etika Kerja Dalam Perkhidmatan Awam sebagai permulaan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah membangkitkan mengenai akibat yang akan timbul terhadap peluang-peluang pekerjaan berikutan dengan dasar pembekuan jawatan-jawatan dalam sektor awam. Sebenarnya pembekuan pengisian jawatan-jawatan itu di dalam sektor awam dilaksanakan selaras dengan langkah berjimat cermat Kerajaan. Langkah-langkah ini akan diteruskan.

Namun demikian, terdapat beberapa kelonggaran tertentu. Misalnya jawatan-jawatan teknikal dalam Kumpulan C dan D boleh terus diisi. Begitu juga jawatan-jawatan dalam Kumpulan A dan B. Pengisian jawatan-jawatan bukan teknikal dalam Kumpulan C boleh dilakukan dengan kebenaran khas Perbendaharaan Malaysia.

Berdasarkan kelonggaran-kelonggaran yang dinyatakan itu, Kerajaan merasakan bahawa peluang-peluang pekerjaan tidaklah tertutup sepenuhnya. Jadi pada hemat saya para pelajar tidaklah harus berasa rungging mengenai peluang pekerjaan dalam sektor awam kerana penghantaran mereka ke universiti-universiti dalam dan luar negeri adalah juga mengikut jangkaan keperluan tenaga manusia dan kepakaran tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah mencadangkan supaya umur pesaraan pilihan sendiri bagi para pegawai dan kakitangan awam dinaikkan dari 50 tahun ke 55 tahun dan pesaraan wajib dinaikkan ke 60 tahun.

Walaupun cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan mengurangkan kos pencen, tetapi ia juga mungkin menjejaskan perkhidmatan awam secara keseluruhan kerana:

- (a) kekurangan peluang kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat, melainkan Kerajaan membesarkan perkhidmatan awam;
- (b) semangat (morale) pegawai awam, khususnya pegawai muda, akan turun disebabkan kurangnya peluang kenaikan pangkat;
- (c) kekurangan dorongan dan faedah untuk meneruskan perkhidmatan dengan cergas dan cekap bagi mereka yang berkhidmat sampai 60 tahun sebab tidak ada kenaikan gaji serta kekurangan insentif dalam faedah pesaraan kerana jumlah perkhidmatan yang boleh diambilkira bagi maksud pembayaran pencen penuh adalah dihadkan kepada 300 bulan atau 25 tahun sahaja.

Di samping itu, sekiranya kadar pesaraan pilihan meningkat, pengjimatan kos pencen yang diharapkan tidak akan dicapai. Kepakaran dalam perkhidmatan awam tidak dapat dikekalkan kerana dipercayai ramai pegawai dalam kumpulan iktisas/teknikal akan tetap bersara setelah mencapai had umur pesaraan pilihan sendiri. Berasaskan kepada faktor-faktor yang tersebut, cadangan Ahli Yang Berhormat sukar dapat dipertimbangkan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pontian telah mencadangkan supaya Kerajaan meminda peraturan berhubung dengan kemudahan Cuti Haji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1984 dan seterusnya meminta Kerajaan mewujudkan kemudahan tambang percuma untuk menunaikan Fardhu Haji ke Mekah sekali dalam tempoh perkhidmatan seseorang pegawai yang beragama Islam. Mengenai perkara ini sukalah dimaklumkan bahawa pindaan yang dibuat mengenai Cuti Haji adalah dengan tujuan untuk memberi peluang dan kemudahan yang lebih baik bagi mereka menunaikan Fardhu Haji. Syarat tempoh perkhidmatan untuk melayakkan Cuti Haji itu telah dipendekkan daripada 10 kepada 4 tahun bagi membolehkan lebih ramai lagi pegawai-pegawai Kerajaan yang beragama Islam menunaikan Fardhu Haji dengan lebih awal. Di samping itu, tempoh Cuti Haji juga telah dipendekkan oleh kerana Kerajaan berpendapat bahawa tempoh 40 hari itu adalah berpatutan dan mencukupi untuk mengerjakan ibadat Haji dengan sempurna di Mekah dan Madinah. Tambahan pula, perjalanan ke Mekah pada masa ini adalah dengan kapal terbang dan tidak memerlukan tempoh yang sebegitu lama seperti dahulu dengan perjalanan kapal laut.

Cadangan untuk mengekalkan peraturan yang lama di samping menguatkuasakan juga peraturan Cuti Haji yang terdapat dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/1984 itu adalah juga tidak dapat dipersetujui oleh kerana peraturan yang berbagai dan bertingkat-tingkat mengelirukan dan menyusahkan melaksanakannya. Kerajaan berpendapat bahawa satu peraturan yang seragam berhubung dengan perkara ini adalah lebih kemas dan teratur serta ringkas dan senang melaksanakannya. Berhubung dengan cadangan supaya diwujudkan tambang percuma untuk menunaikan Fardhu Haji bagi pegawai-pegawai yang beragama Islam itu, Kerajaan juga tidak bersetuju di atas cadangan ini disebabkan ianya akan melibatkan perbelanjaan yang besar kepada Kerajaan dan tambahan pula tanggungjawab menunaikan Fardhu Haji mengikut hukum Islam merupakan tanggungjawab peribadi seseorang bagi mereka yang berkemampuan seumur hidup sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah membangkitkan mengenai masalah pembuangan sisa-sisa nuklear yang telah menyebabkan kebimbangan kepada orang ramai terhadap kemungkinan berlakunya pembocoran sisa-sisa tersebut. Dalam proses perindustrian, memang tidak dapat dinafikan berbagai jenis sisa dihasilkan dan di antaranya ada yang toxic, dengan izin, dan merbahaya. Sisa-sisa toxic dan merbahaya ini perlu dikenal dan dilupuskan dengan selamat supaya pelupusannya tidak mendatangkan kesan buruk kepada manusia dan alam sekeliling. Bagi sisa radioaktif iaitu sisa-sisa yang dihasilkan daripada perindustrian nuklear dan penggunaan tenaga atom, potensi risikonya telah dikenali dan dikaji sejak bermulanya perindustrian nuklear dan sehingga masa ini banyak pengalaman telah diperolehi dalam

cara-cara mengendali dan melupuskan sisa radioaktif dengan selamat. Objektif pelupusan sisa radioaktif ialah untuk memastikan sisa-sisa ini dikendalikan dengan cara yang dapat memberi perlindungan kepada kesihatan manusia dan alam sekeliling serta meminimakan sebarang bebanan kepada generasi akan datang di samping mengambil kira akan faktor-faktor sosial dan ekonomi. Untuk mencapai objektif ini, pembangunan dalam bidang pengurusan sisa radioaktif menekankan kepada keperluan keselamatan dan oleh itu risiko sebenar daripada kendalian penyimpanan dan pelupusan sisa radioaktif adalah sangat kecil. Walau bagaimanapun, ada setengah golongan yang menafikan wujudnya teknologi pengurusan sisa radioaktif yang selamat dan sebaliknya mahukan perindustrian nuklear dihentikan sahaja.

Disebabkan teknologi nuklear adalah satu yang baru di negara ini, di samping wujudnya golongan-golongan politik yang mengambil kesempatan maka timbul kebimbangan di kalangan orang ramai sehinggakan adalah sukar bagi orang-orang awam untuk menerima risiko yang sekecil ini tetapi sebaliknya dapat menerima risiko yang lebih besar daripada kegiatan-kegiatan lain.

Menyedari hakikat ini, adalah wajar langkah-langkah diambil untuk memberi penerangan yang sejelas-jelasnya kepada orang awam mengenai perindustrian nuklear, penggunaan tenaga atom secara aman dan ciri-ciri keselamatan yang berkaitan dengannya. Di sinilah peranan ahli-ahli politik dan pihak media massa selain daripada ahli-ahli saintis yang terlibat untuk menyampaikan penerangan dan maklumat ini kepada orang awam supaya rasa takut dan bimbang dapat dikurangkan.

Satu contoh di mana orang awam ragu-ragu menerima keputusan Kerajaan oleh kerana dipengaruhi rasa takut dan bimbang ialah di dalam kes penyimpanan sisa radioaktif paras rendah di Papan, Perak. Dalam hal ini, pihak Kerajaan telah dan akan mengambil segala langkah untuk memastikan bahawa kegiatan ini akan menghasilkan risiko yang minima kepada manusia dan alam sekeliling. Keputusan Kerajaan di dalam hal ini adalah berasaskan faktor-faktor keselamatan. Aspek-aspek teknikal yang ditentukan adalah selaras dengan prinsip-prinsip pengurusan sisa radioaktif yang disarankan oleh agensi-agensi antarabangsa seperti Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Tabung Haji yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memberi penjelasan yang terperinci mengenai beberapa aspek yang belum dijelaskan termasuk tambahan bayaran SR 400 seorang bagi tapak khemah di kawasan berhampiran tempat melontar di Mina. Sebenarnya dalam tahun 1982 juga Jemaah Haji telah dikenakan bayaran hosh sejumlah SR 400 itu tetapi bayaran itu telah dibayar terus oleh Tabung Haji kepada Syeikh Haji. Ini diterangkan dengan jelasnya dalam Risalah Penerangan kepada Jemaah Haji tahun 1982. Tetapi tahun ini bayaran itu tidak dibayar terus oleh Tabung Haji kepada Muassasah dan Jemaah Haji diberi pilihan sama ada hendak tinggal dekat dengan tempat melontar itu atau tinggal percuma di tanah Kerajaan yang terletak sejauh kira-kira 3 km dari tempat melontar.

Itu adalah disebabkan pada mulanya Muassasah telah memberi tahu Tabung Haji bahawa Kerajaan Arab Saudi akan memperuntukkan kepada Jemaah Haji Malaysia, satu kawasan tanah Kerajaan berhampiran

dengan tempat melontar. Dengan itu, tidaklah perlu Jemaah Haji Malaysia membayar sewa hosh itu sebanyak SR 400 seorang. Tetapi kemudiannya pihak yang berkuasa Arab Saudi telah menggunakan kawasan itu bagi pembesaran jalan raya dan dengan yang demikian tidak dapat menempatkan Jemaah Haji Malaysia berhampiran dengan tempat melontar itu. Sebaliknya, Jemaah Haji Asia Tenggara telah diperuntukkan tanah Kerajaan yang terletak kira-kira 3 kilometer dari tempat melontar. Pada mulanya, pihak Tabung Haji telah berusaha keras untuk mendapatkan tanah yang berhampiran dengan tempat melontar sehingga merujuk perkara ini kepada pihak Menteri Haji tetapi adalah jelas tanah yang lebih hampir tidak dapat diperolehi. Maka berhadapan dengan masalah yang besar itu, Tabung Haji telah mengeluarkan surat siaran kepada Jemaah Haji di mana diberi pilihan kepada mereka sama ada hendak tinggal dekat dengan tempat melontar dengan membayar tambahan SR 400 seorang ataupun tinggal percuma di tanah Kerajaan yang agak jauh sedikit.

Mengenai bayaran tambahan yang dikenakan oleh Maktab Muassasah bagi bilik-bilik yang berhawa dingin iaitu Jemaah Haji dikehendaki membayar SR300 seorang sebagai tambahan bilik yang berhawa dingin. Dalam hubungan ini, saya suka menerangkan bahawa di bawah Peraturan Haji Arab Saudi, sewa rumah di Mekah adalah di antara SR1,000 dan SR1,500 seorang bagi bilik yang tidak berhawa dingin. Dalam rundingan di antara Tabung Haji dengan Muassasah, sewa telah ditetapkan sebanyak SR1,400 seorang sahaja dan pihak Muassasah telah memberitahu, bagi Jemaah Haji yang berkehendakkan bilik berhawa dingin mereka hendaklah membayar tambahan sebanyak 25% iaitu SR350 seorang. Tetapi kadar bayaran

tambahan ini terpulunglah kepada Maktab yang berkenaan, ada yang mengenakan SR350 seorang, ada yang mengenakan SR300, ada yang mengenakan SR200 dan ramai juga yang tidak dikenakan bayaran tambahan langsung. Tapi dalam perkara ini, saya ingin menafikan dakwaan bahawa Tabung Haji pernah mengeluarkan surat kepada Maktab atau Syeikh Haji mengarahkan supaya Jemaah Haji membayar bayaran tambahan itu.

Mengenai sewa rumah di Madinah, seorang Jemaah Haji Malaysia dikenakan bayaran sewa rumah sebanyak SR1,400 manakala dikatakan Jemaah Haji dari Indonesia SR1,000 sahaja. Saya sekali lagi menafikan bahawa ada Jemaah Haji yang membayar sewa rumah di Madinah sebanyak SR1,400 seorang, kecuali Jemaah Haji itu seorang yang berkeupayaan untuk menyewa di hotel ataupun bilik-bilik khas di Madinah. Walau bagaimanapun, mengikut Peraturan Haji Arab Saudi, sewa di Madinah adalah di antara SR600 sehingga SR800 seorang, namun dengan usaha Tabung Haji pihak dalil telah mengenakan sewa purata di antara SR400 sehingga SR500 seorang sahaja iaitu di bawah kadar minima yang ditetapkan oleh Peraturan Haji.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batu Pahat telah mendakwa.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat bangun, hendak beri jalan?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya

dengan penerangan Yang Berhormat Menteri tadi, kita tahu bahawa memang dikenakan SR400 kepada mereka yang tinggal di Mina. Masalah kita, benda itu tidak jadi sukarela, benda itu telah menjadi satu deraan oleh Syeikh Haji. Misalnya, siapa yang tidak dapat bayar SR400 diambil daripada Arafah ke Mina kemudian dan siapa yang tidak bayar SR400, dia tinggal jauh 2 batu daripada khemah. Dan satu lagi hendak minta ubat pun, sakit cerah perut pun ditanya, sudah bayar SR400. Jadi, masalahnya deraan yang dibuat oleh Syeikh Haji ini terlampau teruk kepada mereka yang tidak bayar SR400 dan kadang-kadang dipaksa mana-mana kumpulan yang tidak bayar SR400 itu rumah kediamannya bekalan air tidak diberikan, ini deraan menjadikan seksa. Kalau dikatakan kecuali jangan dipaksa, dan pihak Tabung Haji pula datang jangan paksa bayar. Kalau buat siaran siapa hendak bayar, bayar, tak mahu bayar tidak apa. Saya lebih suka kalau benda itu Yang Berhormat Menteri dimasukkan dalam bayaran asal, jangan menjadikan ada tempat jauh dan ada tempat dekat. Jadi, kalau cara itu agaknya tidaklah menjadikan persoalan kepada Jemaah Haji pada masa berada di Mekah. Itu telah memaksa Jemaah-jemaah Haji kita supaya membayar, tekanan-tekanan diberi. Ini yang menjadikan kesusuhan kepada Jemaah Haji.

Datuk Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas penjelasan Ahli Yang Berhormat tadi dan saya mengambil catitan. Sebenarnya dia tidak ada membuat teguran yang serius.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat, telah mendakwa bahawa dalam perkiraannya, tambang bas Jemaah Haji di Tanah Suci ada perbezaan kira-kira SR139 seorang yang tidak dapat beliau selaraskan. Dalam

perkiraan beliau, beliau telah mengambil kira harga tambang dengan menggunakan kenderaan yang bukan kenderaan rasmi Jemaah Haji yang diwajibkan oleh Kerajaan Arab Saudi yang mana tidak dinafikan bahawa tambangnya adalah murah dari apa yang dikenakan oleh Arab Saudi kepada Jemaah Haji dalam musim Haji. Mengenai perkara ini mengikut Peraturan Haji Arab Saudi, tambang kenderaan rasmi Jemaah Haji yang berhawa dingin dalam musim Haji adalah seperti berikut:

Jedah/Madinah/Makkah	SR225	seorang
Jeddah/Makkah	SR 30	..
Makkah/Arafah/Minah/ Makkah	SR130	..
Jumlah	DR385	

Maka kesemua bayaran tambang itu telah dibayar oleh Tabung Haji kepada pihak yang berkenaan kecuali bagi sektor Makkah/Arafah/Mina/Makkah di mana bas tanpa hawa dingin telah digunakan dan SR30 seorang dikembalikan kepada Jemaah Haji. Dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan bahawa tidak ada sama sekali penyelewengan mengenai wang tambang bas Jemaah Haji Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat meminta supaya Kerajaan tidak menggalakkan muslimin/muslimat Malaysia menunaikan Fardhu Haji berulang-ulang kali sebagai satu cara bagi menyekat pengaliran wang kita ke luar negeri. Dalam hubungan ini, saya suka menyatakan bahawa kita tidak boleh menyekat rakyat kita yang hendak melakukan ibadat Haji sunat dan sekiranya mereka mempunyai perbelanjaan bagi tujuan melakukan Haji Sunat itu, ianya adalah lebih baik daripada mereka mungkin menggunakan wang itu bagi melancung ke negara-negara lain.

Semoga dengan bertambahnya amalan soleh yang dilakukan oleh rakyat Malaysia, Allah s.w.t. akan mencucuri rahmat ke atas negara kita.

Mengenai perkara-perkara yang melibatkan masalah Tabung Haji ini, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah mencadangkan untuk menyelesaikan masalah itu supaya ditubuhkan sebuah Kementerian Haji dan Khairat. Jadi, saya sukacita memaklumkan bahawa setakat ini ataupun buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menubuhkan Kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa isu berkaitan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan pembangunan negara. Saya yakin kita telah lama faham matlamat-matlamat dasar Ekonomi Baru. Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat dari Mas Gading bahawa selaras dengan matlamat tersebut sesuatu projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan sudah tentu mengambil kira kepentingan penduduk tempatan khususnya golongan Bumiputera di Kawasan berkenaan. Sebagai contoh, projek-projek pembangunan pertanian Samarahan dan Kalaka-Saribas di Sarawak dan Bengkoka-Kudat di Sabah mengutamakan penduduk-penduduk tempatan sebagai peserta projek. Di samping itu, rakyat juga digalakkan supaya berhijrah dari kawasan mereka, jika perlu untuk merebut peluang-peluang meningkatkan taraf hidup mereka.

Dari segi ekuiti, sebagaimana kita semua maklum sehingga akhir tahun 1983, Bumiputera di negara ini, termasuk Bumiputera di Sabah dan Sarawak, telah pun memiliki sebanyak 18.7 peratus modal saham dalam sektor syarikat. Di samping

itu program sokongan Kerajaan juga dilaksanakan bagi membantu pembentukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan kaum Bumiputera. Bagi tujuan ini, program-program pelajaran dan latihan akan terus diberi keutamaan manakala peniaga-peniaga kecil Bumiputera pula diberi bantuan latihan tertentu oleh Kerajaan. Berikutan dari latihan tersebut, kaum Bumiputera juga telah dapat meningkatkan penyertaan mereka dalam peluang-peluang pekerjaan yang moden.

Adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa tidak ada perubahan langsung pada kaum Bidayuh semenjak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan pada tahun 1970. Sekiranya kadar kemiskinan dijadikan sebagai ukuran, kita dapati taraf hidup kaum Bidayuh telah bertambah baik. Usaha-usaha membasmi kemiskinan telah menunjukkan kemajuan yang menggalakkan. Umpamanya, berdasarkan kepada kajian Pendapatan Isirumah 1980, kadar kemiskinan di kalangan kaum Bidayuh pada tahun 1979 adalah sebanyak 70.8 peratus. Kadar ini telah berkurang kepada 64.9 peratus pada tahun 1982. Pada masa yang sama, Kerajaan telah pun menjalankan satu kajian kemungkinan di Bahagian Pertama, Sarawak bagi tujuan mengadakan satu projek pembangunan pertanian bersepadu. Projek ini apabila dilaksanakan akan meliputi kawasan seluas 86.170 hektar dan dapat memberi faedah kepada 47,120 orang penduduk. Oleh kerana sebahagian besar daripada kaum Bidayuh terdapat di Bahagian Pertama, maka sudah tentu projek ini akan dapat meningkatkan pendapatan kaum Bidayuh.

Di samping itu, Kerajaan sentiasa menggalakkan pertumbuhan ekonomi negeri Sarawak memandangkan bahawa dengan adanya pertumbuhan

maka kemiskinan dapat dikurangkan. Ini dapat dilakukan dengan menyerap golongan miskin dari sektor tradisi yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah kepada sektor moden yang mempunyai daya pengeluaran yang lebih tinggi. Golongan miskin hendaklah mengambil peluang-peluang ini sekiranya mereka ingin meningkatkan taraf kehidupan mereka. Jika perlu, mereka hendaklah keluar daripada kawasan mereka untuk mendapatkan peluang-peluang tersebut.

Jenis-jenis bantuan bagi meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan golongan miskin sedang dikaji supaya selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan sikap terlalu bergantung kepada subsidi. Kerajaan selalu menekankan bahawa peningkatan daya pengeluaran dan kecekapan hendaklah melalui daya usaha dan keusahawanan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar sama sekali dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bahawa objektif serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru tidak dilaksanakan atau diberi keutamaan dengan rata dan saksama. Saya perlu menegaskan di sini bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang sama berat terhadap kedua-dua objektif Dasar Ekonomi Baru iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Kerajaan juga tidak ada memberi keutamaan yang lebih besar kepada objektif penyusunan semula masyarakat dengan mengenyepikan objektif pembasmian kemiskinan.

Sekiranya dilihat kepada peruntukan perbelanjaan pembangunan kita dapati program pembasmian kemiskinan telah diperuntukkan sebanyak \$10,497 juta (59.8%) bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat manakala program penyusunan semula masyarakat

mendapat peruntukan sebanyak \$6,577 juta (37.5%). Sebanyak \$465 juta (2.7%) pula adalah untuk program-program yang memberi faedah kepada kedua-dua objektif pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Kumpulan miskin di bandar, Kampung-kampung Baru dan estet-estet tidak pernah diabaikan dan diketepikan dalam program-program Kerajaan untuk membasmi kemiskinan. Kedudukan sosio-ekonomi kumpulan miskin di bandar didapati telah bertambah baik menerusi penyediaan kemudahan-kemudahan sosial seperti perumahan kos rendah, kesihatan dan pelajaran serta bantuan kepada peniaga-peniaga kecil.

Kadar kemiskinan bandar didapati telah berkurang daripada 21.3% pada tahun 1970 kepada 12.6% dalam tahun 1980 dan seterusnya kepada 11.1% dalam tahun 1983. Kedudukan sosio-ekonomi penduduk Kampung-kampung Baru juga telah meningkat dengan pesat. Oleh kerana kebanyakan Kampung-kampung Baru terletak di kawasan bandar atau di pinggir kawasan bandar, pertumbuhan sektor-sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan telah dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan untuk mereka. Pertumbuhan ekonomi yang lembab, terutamanya kejatuhan harga-harga barangan, tidak menjejaskan kedudukan sosio-ekonomi penduduk Kampung-kampung Baru kerana kegiatan ekonomi mereka pada umumnya adalah pelbagai corak.

Kenaikan kadar kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja estet adalah berpunca daripada kejatuhan harga-harga getah dan kelapa sawit. Kemelesetan ekonomi dunia dan kejatuhan harga-harga barangan adalah di luar kawalan Kerajaan. Walau bagaimanapun, untuk

mengatasi kejatuhan harga ini, Kerajaan telah berusaha di peringkat antarabangsa menerusi Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah (ANRPC) dan Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) untuk mengukuh dan menstabilkan harga getah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas, pengurangan ketidakseimbangan antara negeri merupakan matlamat penting dalam strategi pembangunan negara. Selaras dengan matlamat ini, kriteria-kriteria tertentu digunakan untuk mengagihkan peruntukan pembangunan antara negeri. Di antara lain kriteria-kriteria tersebut mengambil kira ketidakseimbangan ekonomi antara negeri dari segi pendapatan dan kadar kemiskinan, sumber alam semula jadi yang ada, kemudahan sosial dan infrastruktur serta penyertaan bumiputera dalam kegiatan sektor moden.

Bagi maksud mencapai matlamat di atas, keutamaan diberi kepada negeri negeri yang kurang maju dan berpendapatan rendah. Namun begitu bagi negeri-negeri maju seperti Sabah, peruntukan yang sewajarnya bagi melaksanakan berbagai projek pembangunan juga telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan peruntukan seterusnya akan dipertimbangkan di bawah Rancangan Malaysia Keima kelak.

Berkaitan dengan pelaksanaan dasar penswastaan, saya ingin menegaskan bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai, iaitu soal mengutamakan kepentingan dan penyertaan rakyat, memanglah menjadi salah satu faktor yang penting dalam Garis Panduan Penswastaan. Kerajaan telah menegaskan dalam Garis Panduan tersebut bahawa ia akan tetap bertanggungjawab kepada kebajikan rakyat dan akan

memastikan mereka tidak akan menghadapi apa-apa kesukaran berikutan daripada penswastan.

Di samping itu, Garis Panduan juga menetapkan bahawa pertimbangan yang lebih akan diberi kepada cadangan-cadangan daripada pihak swasta yang mengandungi unsur-unsur hakmilik yang meluas dan tidak tertumpu kepada beberapa kepentingan sahaja. Ini bukan sahaja bertujuan untuk memberi peluang penyertaan yang luas kepada rakyat tetapi juga untuk mencapai matlamat pembahagian semula di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai juga telah membangkitkan mengenai Dasar Pandang ke Timur yang mengikutnya telah memberi lebih kepada orang-orang asing, malahan tidak mencerminkan Dasar Ekonomi Baru. Mengenai perkara ini, sukaiah dijelaskan bahawa Dasar Pandang ke Timur ialah satu dasar untuk menemaikan di kalangan rakyat Malaysia nilai-nilai, etika kerja dan amalan pengurusan di negara-negara Timur yang pesat, maju dan berjaya.

Ciri-ciri seperti kerajinan, disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara, tekanan terhadap meningkatkan daya pengeluaran dan mutu kerja yang tinggi dan sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang adalah di antara ciri-ciri yang patut diteladani oleh rakyat Malaysia. Dasar ini bukan sahaja tidak bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru, atau kepentingan negara, malahan sekiranya dihayati dan dipraktikkan oleh sekalian rakyat, akan membolehkan negara membangun dengan lebih pesat lagi.

Sungguhpun dasar ini telah dijelaskan beberapa kali, namun masih terdapat kekeliruan bahawa Dasar Pandang ke Timur bermaksud membeli semua barang atau memberi

semua kontrak kepada syarikat-syarikat negara Timur dan mengeneipkan kehendak-kehendak dan kepentingan negara. Saya ingin menegaskan bahawa pemberian kontrak-kontrak adalah semata-mata berdasarkan tawaran yang terbaik yang meliputi soal-soal keupayaan teknikal dan harga dan tidak ada kaitan dengan Dasar Pandang ke Timur.

Ini dapat dilihat dari kerja-kerja kontrak yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang bukan dari negara-negara "Timur", sungguhpun kontraktor dari negara-negara Timur juga turut membuat tawaran. Di mana kerja-kerja ini diberikan kepada syarikat-syarikat negara Timur, ini adalah disebabkan harga dan keupayaan teknikal mereka jelas lebih baik. Dalam pada itu kesemua kontraktor asing yang berjaya adalah disyaratkan menggunakan bahan-bahan dan pekerja-pekerja tempatan, dan untuk berusaha dengan memberi sekurang-kurangnya 30% kerja-kerja kepada pengusaha-pengusaha tempatan. Penggunaan bahan-bahan atau pekerja-pekerja asing akan hanya dibenarkan sekiranya Kerajaan berpuas hati bahawa bahan-bahan atau pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran berkenaan tidak terdapat di negara ini. Syarat-syarat ini adalah penting untuk memastikan pemindahan teknologi yang bermakna tercapai dan juga supaya negara tidak akan kehilangan pertukaran matawang asing sebegitu sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Tampin telah membangkitkan rasa kesalnya kerana peruntukan bagi projek pertanian berkelompok tidak disediakan dalam Anggaran 1985. Di sini inginlah ditegaskan bahawa jika Ahli Yang Berhormat itu maksudkan projek-projek yang kini sedang digalakkan yang melibatkan

percantuman kebun/bendang-bendang, ianya bukanlah merupakan projek-projek baharu yang memerlukan peruntukan tambahan atau penubuhan agensi-agensi baharu. Apa yang sebenarnya digalakkan adalah satu usana bersepadu iaitu satu pendekatan atau halacara pembangunan kampung dan luar bandar, dengan melibatkan komponen-komponen:

- (1) perhatian berkelompok dan cara pengurusan perladangan bagi kebun-kebum dan bendang untuk mendapatkan manfaat ekonomi pembedangan (economies of scale);
- (2) industri kampung dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian untuk menjanakan pertumbuhan ekonomi sokongan dan juga menggunakan sepenuhnya sumber alam dan manusia setempat;
- (3) penyusunan semula kampung-kampung secara teratur untuk membabitkan pusat-pusat pertumbuhan baru.

Dengan wujudnya kampung/pekan serta projek-projek industri dan perladangan demikian, pendapatan penduduk boleh dipertingkatkan dengan pertambahan mutu dan daya pengeluaran petani, penternak, peniaga, pekerja, penyewa, pengusaha mengikut yang berkenaan. Selain daripada itu peluang-peluang baharu boleh diadakan dengan mudah, termasuklah melalui pertumbuhan kemudahan-kemudahan sosial seperti sekolah, klinik, prasarana fizikal seperti bekalan air, elektrik, jalan raya dan sebagainya kerana kampung-kampung yang kecil di tempat yang terpencil menyulitkan usaha Kerajaan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas. Kesemuanya ini akan menggalakkan

pertumbuhan ekonomi yang secara langsung memanfaatkan rakyat kampung dan tak langsung kepada negara juga.

Peruntukan-peruntukan yang sedia ada di Kementerian-kementerian dan Agensi-agensi boleh dipindah dan diagihkan semula untuk menjayakan halacara baharu ini. Apa yang dikehendaki daripada rakyat adalah kerjasama, kerajinan dan sifat jayadiri untuk menyokong dan mencapai matlamat yang diaturkan itu. Untuk menyelaraskan kegiatan berbagai agensi, jentera yang sedia ada seperti Jawatankuasa Tindakan Daerah atau Jawatankuasa Tindakan Negeri dan sebagainya sahaja perlu digunakan di peringkat Negeri manakala di peringkat Persekutuan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah bertanggungjawab mengawasi keseluruhan pelaksanaan hal acara baharu ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Kimanis supaya tempoh Dasar Ekonomi Baru dilanjutkan selepas 1990, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa setakat ini Kerajaan belum lagi membuat keputusan mengenainya kerana Kerajaan berpendapat kita perlu meneliti dengan penuh berhati-hati pencapaian dan masalah yang telah, sedang dan akan dihadapi oleh rakyat negara ini, khususnya golongan bumiputera. Walau apa pun keputusan yang akan dibuat mengenai isu melanjutkan tempoh Dasar Ekonomi Baru, saya percaya seluruh rakyat akan bersetuju dengan prinsip bahawa apa yang lebih penting sekarang ini ialah bagi kita mengkaji prestasi kita selaras dengan perkembangan ekonomi negara di samping sentiasa mengambilkira matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru, khususnya matlamat asas untuk

membentukkan sebuah masyarakat berbilang kaum yang seimbang dari segi ekonomi dan bersatu padu bagi membangunkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pontian, perkhidmatan perancang keluarga disediakan bukanlah untuk menyekat seseorang ibu melahirkan anak. Perkhidmatan perancang keluarga adalah juga dianggap penting kerana ia membolehkan seseorang itu menjarakkan kelahiran anak seperti mana yang dirancangan. Faedah-faedah yang didapati dari perkhidmatan ini, kesihatan ibu-ibu yang melahirkan anak-anak supaya pulih semula sebelum mereka merancang mendapatkan anak lagi, memberi masa yang panjang untuk ibu-ibu mengasuh dan mendidik anak-anak mereka, mengelakkan kejadian pengguguran anak jika sekiranya kelahiran anak itu tidak dirancang dengan baik. Dengan itu perkhidmatan perancang keluarga masih diperlukan sungguhpun terdapat galakan untuk mendapatkan anak lebih ramai lagi dari segi pengecualian cukai yang hanya akan dinikmati oleh sebahagian sahaja daripada penduduk yang membayar cukai.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar, yang akhir sekali telah membangkitkan mengenai perkara integrasi perkhidmatan awam antara Sabah, Sarawak dengan Semenanjung. Mengenai perkara ini sukalah saya memaklumkan bahawa matlamat akhir perkhidmatan yang akan wujud di Sabah dan Sarawak adalah seperti yang terdapat di Semenanjung iaitu perkhidmatan Persekutuan dan perkhidmatan Negeri. Jabatan Perkhidmatan Awam sedang berusaha bagi menyegerakan tindakan menyatukan skim

perkhidmatan pegawai-pegawai di jabatan-jabatan yang dipersekutukan (Federalised). Setakat ini daripada 58 jabatan-jabatan di Sabah dan Sarawak yang dipersekutukan, hanya 4 jabatan sahaja yang skim perkhidmatan mereka belum lagi disatukan dengan skim perkhidmatan Persekutuan. Tindakan penyatuan skim perkhidmatan pegawai-pegawai di empat jabatan tersebut, lapan sedang dalam proses dan dijangka selesai sebelum akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Di mana saya tidak dapat menjawab ataupun menyentuhnya dan menyebut Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan masalah ini, saya memohon maaf, tetap catatan telah dibuat. Segala perkara yang ditimbulkan sebenarnya telah dicatat dan diberi perhatian.

Sekali lagi, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli yang Berhormat, saya ada menerima satu permintaan daripada bangku Kerajaan supaya Timbalan Menteri Pengangkutan menjawab dahulu bagi pihak Kementerian Pengangkutan sebelum Kementerian Dalam Negeri. Adakah ini mendapat persetujuan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri?

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada rakan saya dari Kementerian Dalam Negeri yang telah memberi saya keutamaan untuk menjawab pada petang ini. Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Timbalan Yang di-Pertua yang telah mengizinkan saya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya sokongan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah menggambarkan betapa tingginya minat Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian Pengangkutan. Sokongan ini serta syor-syor yang dibuat akan membantu Kementerian ini serta jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawahnya di dalam menjalankan tugas-tugas yang telah diamanahkan kepada kami bagi mewujudkan satu sistem pengangkutan yang cekap ekonomik dan berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sebab Timbalan Menteri Dalam Negeri memberi persetujuan dan supaya tidak menjejaskan aturan jawapan, saya memohon agar Yang Berhormat ringkas-ringkaskan jawapan supaya kita dapat bereskan senarai untuk hari ini.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lambir telah menyentuh tentang kadar bayaran lesen motor, cukai jalan bagi motorsikal dan mengesyorkan supaya bayaran yang sedia ada di kadar lama

dikekalkan. Sukacita saya mengatakan bahawa kadar bayaran lesen kenderaan motor, (cukai jalan) bagi motorsikal dinaikkan sedikit sahaja iaitu sebanyak \$5 setahun ke atas motorsikal-motorsikal yang mempunyai enjin kuasa kudanya rendah. Sementara bagi motorsikal yang mempunyai enjin dengan kuasa kudanya yang tinggi, pihak Kerajaan telah menaikkan kadar bayaran lesen kenderaan tersebut bertujuan supaya tidak menggalakkan penggunaan motorsikal yang besar. Sementara bayaran pendaftaran dan tukar hakmilik ke atas sesebuah motorsikal adalah tidak dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menyentuh mengenai perkara yang sama. Kenaikan kadar bayaran tukar milik kenderaan motor di samping mengenakan bagi pengesahan (endorsement) tuntutan hakmilik dalam buku pendaftaran bermotor sebenarnya berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

- (1) Bayaran tersebut cuma dikenakan sekali sahaja apabila urusan tukar hakmilik atau pengesahan di dalam buku pendaftaran dibuat. Bayaran ini bukanlah dikenakan tiap-tiap tahun seperti bayaran lesen kenderaan atau cukai jalan. Lagipun bayaran tukar hakmilik kali terakhir disemak ialah pada tahun 1981.
- (2) Di tahun-tahun kebelakangan ini adalah didapati kes-kes kenderaan motor yang telah dicuri dan seterusnya ditukar milik tanpa pemeriksaan yang teliti oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah bertambah dengan banyaknya. Bagi mengelakkan keadaan ini berterusan, Jabatan Pengangkutan Jalan bercadang untuk memeriksa secara kenderaan yang hendak ditukar

milik itu bagi memastikan ianya benar-benar berada di dalam milik yang sah. Urusan ini sudah tentu membebaskan Kerajaan dari segi perbelanjaan. Dengan kenaikan ini sudah tentu meringankan beban yang ditanggung oleh Kerajaan. Adalah diharapkan juga dengan kenaikan kadar ini ianya menyulitkan pencuri atau sindiket membuat pertukaran hakmilik kenderaan berkenaan.

- (3) Ahli Yang Berhormat tentu bersetuju jika saya kata bahawa nilai sesebuah kenderaan motor terpakai tidak ada berkaitan dengan kenaikan bayaran tukar hak milik tersebut. Oleh hal yang demikian, tidak melibatkan kesan yang buruk ke atas pembeli-pembeli kenderaan motor terpakai. Ianya adalah berkaitan dengan secara langsung dengan keadaan kenderaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat dari Tampin telah menyentuh industri perkapalan yang katanya masih ditahap yang belum boleh dikatakan maju. Saya sependapat dengan pandangan Yang Berhormat dari Tampin bahawa industri perkapalan kita masih belum mencapai tahap dan kemajuan yang memuaskan. Selain daripada meningkatkan pelaburan dan penyertaan MISC dan PNSL yang merupakan penglibatan Kerajaan dalam perkapalan, saya juga bersetuju bahawa penglibatan serta peranan pihak swasta adalah penting dan perlu diperluaskan.

Dalam hal ini Kerajaan mempunyai peranan untuk mewujudkan serta mengekalkan suasana yang conducive bagi industri perkapalan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan dan galakan-galakan yang sesuai.

Mengikut rekod Kementerian Pengangkutan pada sembilan bulan pertama tahun ini, sejumlah 132 buah kapal telah didaftarkan di Malaysia. Kapal-kapal yang didaftarkan ini terdiri daripada kapal minyak, supply vessel, dengan izin, bagi aktiviti cari gali minyak, kapal kontena dan kapal-kapal tunda.

Kapal-kapal yang didaftar ini adalah untuk tujuan mengendalikan perdagangan domestic serta perdagangan antarabangsa. Saya percaya perkembangan ini antara lainya telah didorongkan oleh insentif perkapalan yang diperkenalkan semasa Belanjawan 1984.

Di samping itu, saya juga telah difahamkan bahawa sebuah syarikat usaha sama antara pihak swasta tempatan dan pihak Jepun telah pun ditubuhkan bagi tujuan mengadakan perkhidmatan perkapalan atau break bulk antara Malaysia dengan Jepun. Syarikat yang ditubuhkan ini akan membeli serta mendaftarkan kapal-kapal di Malaysia.

Seperti Ahli Yang Berhormat dari Tampin mungkin sedia maklum insentif yang ada pada masa ini tidak memberi keistimewaan kepada mana-mana satu jenis kapal. Mungkin untuk masa akan datang Kerajaan perlu menimbang insentif yang tertentu bagi menggalakkan pemilikan jenis-jenis kapal yang tertentu yang mana masih berkurangan sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lambir, dalam perbahasan pada 24hb Oktober, telah membangkitkan mengenai peruntukan bagi pembangunan lapangan terbang Sibu dan peruntukan nominal sebanyak \$10 bagi pembangunan lapangan terbang-lapangan terbang Bintulu dan Limbang bagi tahun 1985.

Sebagaimana Yang Berhormat sebutkan memang benar ketiga-tiga projek ini adalah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Kerja-kerja peringkat awal bagi ketiga-tiga lapanganterbang ini telah pun dan sedang dijalankan. Bagi projek pembangunan lapanganterbang baru di Limbang, kerja-kerja reka bentuk awal telah siap dijalankan dalam tahun 1981.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak perlulah cepat sehingga sesak nafas Yang Berhormat.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Saya takut nanti rakan yang lain tidak dapat, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimanapun kerja-kerja reka bentuk terperinci dan peringkat perlaksanaannya telah tidak dapat diteruskan disebabkan keadaan ekonomi negara yang tidak menggalakkan.

Bagi projek pembangunan lapanganterbang baru Bintulu pula, pihak juruperunding sedang menjalankan kerja-kerja penyediaan pelan induk dan reka bentuk awal. Kerja-kerja ini adalah dijadualkan siap pada awal tahun 1985.

Sebagai makluman peruntukan yang disediakan bagi tujuan ini ialah sebanyak \$0.95 juta bagi tahun 1985 di bawah belanjawan Jabatan Perdana Menteri. Jadual bagi peringkat kajian kejuruteraan terperinci dan pembinaannya hanya akan ditentukan setelah kerja-kerja penyediaan pelan induk dan reka bentuk awal siap dijalankan.

Bagi projek pembangunan lapanganterbang baru Sibu pula, kerja-kerja reka bentuk terperinci sedang dijalankan dan dijangka siap pada awal tahun 1985. Peruntukan yang disediakan bagi projek ini ialah sebanyak \$900,000 bagi tahun 1985. Kerja-kerja pembinaan bagi

lapanganterbang baru ini hanya dapat dimulakan setelah kerja-kerja menyediakan kerja-kerja reka bentuk terperinci itu siap.

Sungguhpun Kerajaan pada masa ini sedang mengalami kemerosotan ekonomi dan menghadapi masalah untuk menyediakan peruntukan kewangan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan tersebut di atas, suka saya sebutkan bahawa Kementerian Pengangkutan akan terus berusaha untuk menentukan bahawa projek-projek lapanganterbang ini akan dapat diteruskan pembinaannya di dalam Rancangan Malaysia Kelima bagi memenuhi keperluan penumpang-penumpang pengangkutan udara yang kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tawau, dalam perbahasan pada 30hb Oktober, 1984, telah membangkitkan perkara projek pembangunan lapanganterbang Tawau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina sebuah lapanganterbang baru Tawau untuk menampung pendaratan pesawat jet dengan sempurna. Kerja-kerja penyediaan pelan induk dan reka bentuk awal bagi projek pembangunan lapanganterbang baru Tawau telah siap dijalankan. Namun demikian, projek ini juga telah tidak dapat diteruskan dengan kerja-kerja reka bentuk terperinci dan peringkat pelaksanaan disebabkan keadaan kemerosotan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian ini telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan keupayaan kemudahan-kemudahan di lapanganterbang yang sedia ada dan lapanganterbang ini dapat menampung operasi pesawat B-737 dengan beberapa sekatan tertentu.

Sementara itu kemudahan lampu landasan juga sedang dipasang bagi membolehkan operasi dari subuh ke senja di lapanganterbang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Mas Gading telah membangkitkan dalam perbahasan pada 25hb Oktober, 1984 perkara berhubung dengan penganan surcharge sebanyak 25% oleh MAS di atas penumpang-penumpang yang telah membuat tempahan tetapi tidak datang untuk penerbangan tersebut.

Ahli Yang Berhormat yang berkenaan telah menyatakan bahawa bayaran surcharge tersebut merupakan satu penalti yang berat dan telah menyusahkan penduduk-penduduk di Sarawak yang bergantung sangat kepada pengangkutan udara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyedari bahawa pengangkutan udara memainkan peranan yang penting di Sabah dan Sarawak, khususnya di tempat-tempat yang tidak mempunyai sistem pengangkutan jalan yang sesuai. Dalam hal ini Kementerian Pengangkutan dan MAS sentiasa memberi perhatian yang berat untuk menentukan bahawa perkhidmatan udara yang diadakan di negeri ini adalah mencukupi bagi memenuhi permintaan orangramai.

Berhubung dengan bayaran pembatalan atau surcharge sebanyak 25%, ingin saya menjelaskan di sini bahawa pembayaran tersebut bukanlah bertujuan untuk menambahkan hasil pendapatannya MAS, tetapi sebaliknya adalah diadakan sebagai satu tindakan mencegah (deterrent) untuk mengurangkan kejadian di mana tempahan dibuat tetapi penumpang-penumpang tidak datang untuk penerbangan tersebut.

Langkah mengadakan surcharge ini diadakan untuk mengatasi masalah di mana terdapat penerbangan berlepas dengan banyak tempat-tempat kosong tetapi ramai penumpang-penumpang yang tidak dapat menggunakannya disebabkan tiadanya sebarang notis atau notis yang cukup mengenai pembatalan perjalanan oleh penumpang-penumpang berkenaan.

Dengan adanya sistem surcharge tersebut adalah didapati bahawa bilangan penumpang-penumpang yang tidak datang untuk membuat penerbangan telah berkurangan dan dengan ini kepentingan penumpang-penumpang yang benar-benar hendak membuat perjalanan telah dapat diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mencadangkan dalam perbahasan pada 26hb Oktober bahawa MAS hendaklah mencari jalan untuk membaiki kemudahan-kemudahan serta perkhidmatannya untuk memenuhi permintaan bagi penerbangan yang kian bertambah oleh rakyat Malaysia pada masa akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengurangkan defisit imbangan pembayaran negara. Dalam hal ini antara langkah yang diambil oleh Kerajaan ialah untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan MAS sama ada di dalam atau di luar negeri.

Kerajaan dan MAS sentiasa mengambil perhatian permintaan penerbangan-penerbangan tambahan yang diperlukan, dan dalam hal ini Kementerian saya dan MAS akan terus mengawasi permintaan-permintaan ini dan tindakan-tindakan akan diambil untuk memperbaiki serta menambahkan perkhidmatan-perkhidmatan MAS selaras dengan

kehendak-kehendak pasaran dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Betong, Datuk Alfred Jabu Anak Numpang telah mencadangkan bahawa MAS hendaklah menambahkan lagi perkhidmatannya di antara Semenanjung.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat hendak.

Tuan Sim Kwang Yang: Mengikut tertib mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat membangkitkan tertib mesyuarat.

Tuan Sim Kwang Yang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebenarnya tidak harus menyebut nama Ahli dalam perjalanan mesyuarat. Saya harap Yang Berhormat tidak sebutkan lagi. Sila teruskan.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Terma kasih. Ahli Yang Berhormat dari Betong telah mencadangkan dalam perbahasan pada 30-10-1984 bahawa MAS hendaklah menambahkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta juga mengurangkan tambang-tambang di antara tempat-tempat tersebut sebagai satu langkah untuk memupuk proses integrasi di antara rakyat di Semenanjung Malaysia dengan rakyat di Sabah dan Sarawak. Berhubung dengan ini sukacita dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa adalah menjadi dasar Kementerian ini untuk sentiasa berusaha bukan sahaja dalam memberi kemudahan pengangkutan yang sempurna, tetapi

juga menentukan bahawa tambang-tambang atau bayaran bagi perkhidmatan pengangkutan berkenaan diadakan pada paras yang berpatutan dan mampu digunakan oleh rakyat di negara ini.

Selaras dengan matlamat ini pihak MAS telah pun mengadakan beberapa jenis tambang udara yang murah atau berdiskaun bagi membolehkan orang ramai membuat perjalanan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Ini adalah satu tindakan positif terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk mempercepatkan integrasi rakyat di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Pada masa ini telah pun diadakan beberapa jenis tambang murah iaitu:

- (1) Excursion), dengan izin, yang mempunyai potongan diskaun 10%.
- (2) APEX (Advance Purchase Exercusion), dengan izin, yang mempunyai potongan diskaun 15%.
- (3) Dengan izin, night tourist yang mempunyai potongan diskaun 30%.
- (4) Tambang keluarga, dengan izin, family fare, yang mempunyai potongan diskaun sebanyak 25%.
- (5) Tambang penuntut yang mempunyai diskaun 20%.
- (6) Tambang penuntut, dengan izin, demostic standby, yang mempunyai potongan diskaun 50%.
- (7) Tambang, dengan izin, senior citizens, yang mempunyai potongan diskaun 50%.
- (8) Tambang khas untuk penumpang-penumpang cacat atau buta yang mempunyai

potongan diskaun di antara 25% dan 50%.

- (9) Tambang khas, dengan izin, off season affinity group, yang mempunyai potongan diskaun di antara 37% dan 44%.
- (10) Tambang khas bagi wartawan atau mass-media yang mempunyai potongan diskaun sebanyak 50% hanya untuk para wartawan dari Sabah, Sarawak ke Semenanjung dan balik sahaja.

Mengikut kajian yang dijalankan tambang-tambang istimewa ini telah pun mendapat sambutan yang baik dari orang ramai, dan semenjak pelaksanaannya ramai penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak serta Semenanjung telah pun mengambil peluang tersebut untuk melawat sanak saudara atau menziarahi sahabat-handai mereka di antara tempat-tempat yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Muda juga telah membangkitkan mengenai pentadbiran Keretapi Tanah Melayu. Kerajaan memang mengakui bahawa Keretapi Tanah Melayu bukan merupakan perkhidmatan yang menguntungkan, tetapi bercorak perkhidmatan sosial. Kerajaan memang ada rancangan untuk memberi nafas baru kepada perkhidmatan keretapi.

Untuk jangka masa panjang Kerajaan bercadang mengadakan keretapi berelektrik, landasan berkembar dan bertolak standard untuk dapat memberi perkhidmatan yang lebih selamat, cepat dan selesa. Langkah-langkah jangka masa pendek bagi memperbaiki perkhidmatan KTM adalah dengan mengadakan rancangan-rancangan seperti berikut:

- (1) Jentera-jentera moden menyelenggarakan landasan

untuk mengendalikan penyelenggaraan landasan yang lama dan usang.

- (2) Pembelian enjin-enjin atau lokomotif, koc-koc dan gerabak-gerabak baru untuk menggantikan lokomotif, koc-koc dan gerabak-gerabak yang telah usang dan tidak dapat berfungsi dengan baik.
- (3) Memperbaiki dan memperbaharui landasan serta kelengkapan, dengan izin, fastening termasuk mengganti alas landasan, slippers yang kebanyakannya telah usang dan tamat usianya.
- (4) Menukar alat-alat dan sistem persembayanan dan perhubungan.

Mengenai tuduhan-tuduhan yang telah dibangkitkan oleh Persatuan Tuan Punya Lori melalui media massa baru-baru ini, pihak Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan telah pun memberikan jawapan di Dewan yang mulia ini dan juga melalui media massa.

Peranan Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai sebuah agensi penguatkuasa di bidang pengangkutan jalan adalah diperuntukan secara terus-terang dalam Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dan perundangan subsidiary di bawahnya.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan saya sendiri serta pegawai-pegawai di Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa, dan akan terus bersedia mendengar serta berjumpa dengan perwakilan daripada mana-mana Persatuan termasuk Persatuan Tuan Punya Lori tersebut, jika sekiranya mereka mempunyai apa

jua sungutan, teguran atau cadangan bagi kebaikan perusahaan lori di negara ini.

Sekian sahaja jawapan-jawapan yang sempat saya jawab untuk Kementerian Pengangkutan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya menjawab teguran, syor-syor dan pandangan mereka, Kementerian saya akan mengambil ingatan dan perhatian atas perkara-perkara yang dibangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjawab bagi pihak Menteri Dalam Negeri.

4.58 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan ucapan Belanjawan Negara 1985. Secara keseluruhannya perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai kelonggaran bagi menyediakan ceramah-ceramah dan rapat umum, mengenai Akta keselamatan Dalam Negeri, mengenai sekatan ke atas percetakan di Sabah, masalah kewarganegaraan penduduk Sarawak, masalah Surat Beranak dan Kad Pengenalan di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu sudahpun ditanya dan dijawab di Dewan yang mulia ini semasa soal jawab dalam Persidangan sekarang ini dan juga di Persidangan-persidangan yang lalu. Walau bagaimanapun sukalah saya sekali lagi memberi

penerangan-penerangan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah meminta Kerajaan membenarkan rapat-rapat umum di masa pilihanraya memandangkan kepercayaan terhadap kecekapan Pasukan Polis Di-Raja Malaysia bagi menjaga keselamatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, walaupun Pasukan Polis dapat mengawal keselamatan negara kita daripada kekacauan dan anasir-anasir subversif, tetapi Kerajaan tidak dapat membenarkan rapat-rapat umum diadakan semasa pilihanraya untuk mengelak isu-isu sensitif seperti perkauman dieksploitasikan secara melampau dan tidak bertanggungjawab oleh mereka yang mengutamakan kepentingan sendiri, yang kemudiannya akan mencetuskan masalah perkauman yang serius.

Sekiranya ini berlaku, sudah pasti bukan sahaja seluruh rakyat malah negara yang tercinta ini akan menghadapi risiko kekacauan dan kehancuran akhirnya. Sungguhpun begitu, Kerajaan tidak pernah menyekat mana-mana parti politik bagi mengadakan ceramah-ceramah politik tertakluk kepada beberapa syarat yang mesti dipatuhi seperti berikut:

- (1) ceramah berkenaan hendaklah diadakan di tempat yang tertutup dan hanya dihadiri oleh ahli-ahli parti sahaja;
- (2) ceramah tersebut tidak boleh menggunakan pembesar suara yang dihalalkan ke luar daripada bangunan tempat berceramah itu;
- (3) ceramah tersebut tidaklah boleh membahaskan unsur-unsur yang

boleh menimbulkan perasaan permusuhan, benci-membenci antara masyarakat; dan

- (4) ceramah tersebut tidaklah boleh mengandungi ucapan-ucapan yang mempunyai unsur-unsur yang boleh ditafsirkan sebagai menghasut di bawah Akta Hasutan, 1948.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari kimanis kerana menyambut baik serta menyokong langkah-langkah Kerajaan memberi kelonggaran bagi mengadakan ceramah-ceramah politik. Sungguhpun begitu, ceramah-ceramah politik yang hendak diadakan itu tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang saya nyatakan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membangkitkan mengenai perlunya wujud perpaduan negara dan mengecam setengah-setengah golongan yang telah membawa isu-isu yang sensitive seperti perkauman, seperti yang berlaku di Alor Setar baru-baru ini. Memanglah menjadi hasrat Kerajaan dan juga rakyat supaya perpaduan negara dapat diwujudkan di negara ini. Dalam usaha Kerajaan hendak mewujudkan perpaduan kaum, terdapat anasir-anasir tertentu yang sentiasa menimbulkan isu-isu sensitif seperti perkauman, sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu semata-mata demi untuk kepentingan diri atau golongannya sahaja tanpa menimbangkan kepentingan negara. Kerajaan adalah sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan semua pihak dan jika sekiranya didapati percakapan atau perbuatan mereka menyalahi undang-undang negara atau boleh mengancam ketenteraman awam atau keselamatan negara, maka Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan

sewajarnya. Ini terbukti daripada tindakan Kerajaan baru-baru ini terhadap beberapa orang yang tertentu yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa pula telah menyeru supaya Kerajaan memberi perhatian yang berat terhadap keselamatan di Sarawak dan dalam hubungan ini beliau meminta supaya Akta Keselamatan Dalam Negeri dikuatkuasa dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar betapa perlunya keselamatan negara ini diawasi untuk mengekalkan keamanan yang kita nikmati selama ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan serta gerak-geri setiap individu atau kumpulan, baik di mana mereka berada dalam negeri ini daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir yang jahat yang cuba menggugat keamanan dan kesejahteraan negara. Jika didapati kegiatan-kegiatan yang boleh memudharatkan atau mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara, maka Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan undang-undang sejajar dengan kesalahan yang dilakukan dengan menggunakan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Kerajaan juga sentiasa mengkaji dari masa ke semasa peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut bersesuaian dengan keadaan keselamatan semasa dan buat masa ini pelaksanaannya adalah sungguh berkesan.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak begitu berkesan sekarang ini adalah tidak benar sama sekali. Suka saya tegaskan di sini bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960

yang ada adalah bersesuaian dengan keadaan keselamatan semasa dan pelaksanaannya sungguh berkesan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bahawa keamanan dan kemajuan yang kita nikmati sekarang adalah satu-satunya hasil dari pelaksanaan Akta tersebut yang membantu Kerajaan dalam menghadapi ancaman anasir-anasir pengganas komunis, kumpulan-kumpulan pelampau dan anti-nasional yang bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan yang sah melalui rampasan kuasa dan kekerasan senjata. Kerajaan percaya bahawa rakyat yang cinta kepada keamanan akan terus menyokong pelaksanaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lambir telah meminta supaya Kementerian Dalam Negeri memberi kewarganegaraan kepada beribu-ribu penduduk Sarawak yang dilahirkan di Brunei sejak 20 tahun yang lalu di mana ibubapa mereka adalah rakyat Malaysia yang bekerja di Brunei. Yang Berhormat itu juga menjelaskan bahawa mereka tidak mendapat kewarganegaraan kerana terdapat masalah teknikal dari segi Perlembagaan.

Kepada Ahli Yang Berhormat itu, suka saya menjelaskan bahawa anugerah taraf kerakyatan kepada mana-mana pemohon yang sebelumnya bukan warganegara Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh perkara-perkara berkenaan dalam Perlembagaan Malaysia. Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memberi taraf kewarganegaraan kepada mana-mana orang yang bukan warganegara Malaysia tanpa seseorang itu membuat permohonan. Setiap permohonan yang diterima adalah dikaji dengan rapi dan teliti dan demi menjamin bahawa setiap maklumat yang diberikan itu adalah benar. Prosesan yang teliti itu perlu dilaksanakan bagi menjamin

bahawa mereka benar-benar memenuhi syarat-syarat dan keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia sahaja akan menerima anugerah tertinggi negara ini. Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memberi kelulusan am atau, dengan izin, 'blanket approval' kepada sesiapa jua, termasuk mereka yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lambir. Namun demikian, mereka yang terlibat itu masih boleh membuat permohonan taraf kewarganegaraan masing-masing kepada Pejabat Pendaftaran yang berhampiran untuk diproses sewajarnya.

Mengenai dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kimanis bahawa sekatan yang dikenakan ke atas pencetak dan penerbit di Sabah dan penerbitan sebuah penerbitan mingguan yang didakwa tidak dapat diterbitkan lagi serta sekatan-sekatan ke atas penerbitan dan percetakan ini boleh menjejaskan perjalanan demokrasi negara ini. Sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak berhasrat dan tidak pernah menyekat perkembangan percetakan dan penerbitan di Sabah, Sarawak atau di Semenanjung. Sebaliknya Kementerian Dalam Negeri menguatkuasa undang-undang berhubung dengan penerbitan dan percetakan semata-mata untuk memimpin dan membimbing pihak-pihak yang terlibat supaya hasil penerbitan mereka dapat memelihara perkembangan nilai-nilai awam dan keselamatan negara semoga sistem demokrasi yang kini diamalkan di negara ini akan dapat dikekalkan.

Kementerian Dalam Negeri pernah mengeluarkan permit penerbitan untuk surat berita kepada Persatuan Ikatan Relawan Rakyat Sabah untuk bacaan ahli-ahlinya, tetapi pihak berkenaan telah menerbitkan sebuah

tabloid bernama 'Mingguan Ikatan' yang mempunyai ciri-ciri dan sifat sebuah surat khabar untuk bacaan umum. Keadaan ini adalah bertentangan dengan syarat-syarat yang terkandung dalam permit penerbitan yang dikeluarkan kepada pihak berkenaan itu. Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan amaran bertulis kepada pihak yang berkenaan untuk mematuhi syarat-syarat permit penerbitan yang telah diluluskan kepadanya. Semenjak dari tarikh itu, pihak berkenaan sendiri telah tidak mengeluarkan sebarang penerbitan, sama ada di dalam bentuk surat berita atau tabloid walaupun permit penerbitannya masih belum dibatalkan.

Tuan yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedang mengambil tindakan untuk melucutkan taraf kewarganegaraan seramai 6,690 orang warganegara Malaysia. Semua kes ini disiasat dengan rapi dan teliti sebelum keputusan muktamad dibuat untuk melucutkan kewarganegaraan di bawah perkara-perkara berkenaan Perlembagaan Malaysia. Daripada jumlah kes ini, sebilangan kecil sahaja melibatkan warganegara Malaysia yang melawat Negeri China tanpa kebenaran khas dari Kerajaan. Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap setiap warganegara Malaysia yang melanggar peraturan-peraturan dalam Perlembagaan Malaysia berhubung dengan taraf warganegara iaitu satu-satunya keistimewaan rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, hasil penyiasatan ke atas mereka yang melawat Republik Rakyat China tanpa cop khas adalah menunjukkan bahawa antara alasan-alasan yang menyebabkan mereka melakukan kesalahan itu ialah:

- (1) Tanggapan bahawa lawatan mereka tanpa kebenaran tidak

dapat dikesan oleh pihak Kerajaan.

- (2) Pengaruh rakan-rakan yang pernah membuat lawatan ke negeri China tanpa chop khas.
- (3) Pengaruh rakan-rakan di luar negeri.

Kementerian Dalam Negeri berpuas hati bahawa tindakan untuk melucutkan taraf warganegara rakyat negara ini yang melakukan kesalahan ini adalah sesuai dan setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam supaya Kerajaan memberi taraf warganegara kepada semua suami atau isteri asing rakyat Malaysia setelah mereka tinggal di negara ini untuk beberapa tahun, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sekali lagi bahawa anugerah taraf warganegara kepada seseorang yang sebelumnya bukan warganegara Malaysia adalah dibuat mengikut kehendak dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Perlembagaan Malaysia. Pihak Kerajaan tidak dapat menganugerahkan taraf warganegara kepada sesiapa pun melainkan pemohon itu memenuhi syarat-syarat dan keperluan-keperluan yang ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Tawau telah meminta supaya Kementerian Dalam Negeri menubuh satu unit khas untuk menguruskan perkara-perkara pendaftaran kad pengenalan dan kewarganegaraan di Sabah bagi mempercepatkan lagi urusan-urusan permohonan.

Sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk mengadakan satu unit khas semata-mata untuk menguruskan permohonan-permohonan kad pengenalan atau

taraf kewarnegaraan di Sabah, Sarawak ataupun di Semenanjung oleh kerana jentera dan sistem yang dilaksanakan sekarang adalah mencukupi dan memuaskan. Adalah menjadi tanggungjawab bersama rakyat untuk memohon sijil kelahiran, kad pengenalan, taraf kerakyatan dan sebagainya mengikut procedure dan keperluan undang-undang yang berkuatkuasa sekarang. Sekiranya setiap pemohon dapat memainkan peranan masing-masing, masalah yang kini dihadapi oleh rakyat setidak-tidaknya akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak mengambil masa yang lebih daripada yang diperlukan untuk memproses permohonan-permohonan kad pengenalan dan taraf kewarganegaraan. Untuk makluman Dewan ini permohonan kad pengenalan pertama dapat diselesaikan dalam tempoh satu bulan, manakala permohonan untuk kad pengenalan gantian memakan masa kira-kira enam bulan. Ini adalah kerana setiap permohonan kad pengenalan gantian perlu disemak dengan teliti sebelum ianya dikeluarkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tawau juga telah menyentuh mengenai terdapatnya kad-kad pengenalan palsu di Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Mahkamah Kota Kinabalu telah menjatuhkan hukuman penjara ke atas tiga orang warganegara asing kerana kesalahan memiliki resit sementara palsu bagi permohonan kad pengenalan dan bukannya kad pengenalan palsu sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tawau itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang supaya menubuhkan sebuah badan bagi mengatasi masalah berkaitan dengan pengeluaran pengenalan dan

surat beranak kepada mereka yang masih belum memiliki dokumen-dokumen itu di kawasan pendalaman di negeri Sabah, sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai cawangan-cawangannya di semua daerah dan daerah kecil di seluruh negara. Di antara lain pejabat-pejabat cawangan ini adalah bertanggungjawab untuk menimbang permohonan-permohonan bagi mendapatkan surat beranak dan kad-kad pengenalan. Di samping itu pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara juga membuat lawatan ke kawasan pendalaman dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan segera kepada rakyat.

Berasaskan kepada kedudukan kewangan Jabatan Pendaftaran Negara akan terus berusaha sedaya upaya untuk memperbanyakkan lagi lawatan-lawatan oleh Pasukan Pendaftaran Negara ke kawasan-kawasan pendalaman bagi memenuhi hasrat dan keperluan rakyat yang tinggal di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tawau supaya Kementerian ini menubuhkan satu unit khas di Sabah yang lengkap dengan kelengkapan untuk membolehkan unit ini dapat bertindak pantas mengawal keselamatan di Sabah, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa buat masa ini Pasukan polis kita sudah pun mempunyai cawangan merin dan unit udaranya yang menjalankan tugas-tugas kepolisan dengan sempurna serta berkesan bagi mengekalkan ketenteraman dan keselamatan di Sabah. Kerajaan tidak bercadang menubuhkan satu unit khas khusus untuk membanteras jenayah di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, yang Berhormat dari Tawau juga telah menyatakan bahawa bilangan anggota

Polis di Sabah adalah didapati kurang keanggotaannya. Sebenarnya Kerajaan memang sedar akan hakikat ini tetapi dengan kebijaksanaan Pasukan Polis dapat menggunakan, dengan izin, deploy anggota polis dalam membanteras sebarang ancaman dan cabaran-cabaran. Insya-Allah bila kedudukan kewangan negara mengizinkan anggota-anggota baru akan diambil dan akan ditempatkan di Sabah nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Lubuk Antu pula membangkitkan mengenai anggota-anggota pengakap sempadan di Sarawak. Saya berterima kasih di atas cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat serta segala kemusykilan yang dikemukakan itu akan dikaji oleh Kerajaan supaya keadaan yang dibangkitkan itu dapat diperbaiki.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak juga membangkitkan tentang berlakunya jenayah-jenayah sampingan di kawasan-kawasan yang adanya kegiatan-kegiatan maksiat di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa kawasan-kawasan itu sentiasa dalam perhatian pihak Polis. Dengan tindakan-tindakan Polis dari masa ke semasa kegiatan-kegiatan disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat dibendung dan telah pun berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan penerangan-penerangan yang saya sampaikan ini telah menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Lain-lain perkara yang tidak diterangkan adalah di dalam perhatian untuk tindakan Kementerian Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya menjawab bagi pihak Menteri Kerjaraya.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Kerjaraya perkara-perkara yang telah dibangkitkan di dalam persidangan ini.

Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menaruh minat terhadap perkara-perkara tertentu di bawah Kementerian Kerjaraya ketika membahaskan ucapan Belanjawan 1985 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini. Sepanjang perbahasan itu saya dapati ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menumpukan kepada beberapa perkara seperti yang berikut: Pembinaan ataupun keadaan jalan raya-jalan raya dan jambatan, penyertaan kontraktor bumiputera dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan, perkara-perkara yang berkait dengan bekalan air, perkhidmatan perundingan dan pungutan tol dan pembinaan Plaza Tol.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai pembinaan atau keadaan jalan raya-jalan raya dan jambatan-jambatan, suka saya memaklumkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk terus meninggikan lagi taraf jalan raya-jalan raya dan jambatan-jambatan di seluruh negara ini.

Menurut dasar yang berkenaan selain daripada pembinaan jalan raya-jalan raya dan jambatan-jambatan baru, Kerajaan juga mempunyai rancangan-rancangan tertentu untuk meninggikan lagi taraf dan memperbaiki lagi jalan raya-jalan raya yang sedia ada. Dalam melaksanakan rancangan-rancangan itu Kerajaan sentiasa mengambil perhatian ke atas keperluan tiap-tiap negeri dan wilayah dalam negara ini. Walau bagaimanapun seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan rancangan-rancangan itu hanya boleh dijalankan setakat mana keadaan kewangan mengizinkan.

Dalam hal ini Kementerian saya telah mengambil perhatian tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kimanis yang telah mencadangkan supaya taraf keadaan jalan raya di negeri Sabah ditingkatkan terutama sekali jalan raya Sandakan ke Ranau dan Lahat atau ke Sandakan. Mengenai perkara ini sukalah saya menjelaskan bahawa satu lawatan dan perbincangan telah diadakan di antara Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah di Kota Kinabalu pada bulan Ogos 1984 yang lepas untuk membincangkan cadangan bagi memindah beberapa jalan raya utama di Sabah untuk dijadikan sebagai jalan raya persekutuan.

Di dalam perbincangan itu juga beberapa jalan raya utama yang akan dipindahkan itu telah dikenalpasti untuk dinaikkan tarafnya. Walau bagaimanapun, jalan raya yang dikenalpasti itu akan hanya dapat dinaikkan tarafnya tertakluk kepada keadaan kewangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga cadangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar yang telah meminta keadaan jalan-jalan di Sarawak terutama sekali jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalan besar

seperti jalan raya dari Sibu ke Semanggang dan di Bahagian 11 juga dinaikkan tarafnya. Mengenai perkara ini sukalah juga saya memaklumkan bahawa perbincangan awal telah pun diadakan di antara Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dengan Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan Kerja Awam Sarawak dan pegawai-pegawai Kementerian Kerjaraya dengan pegawai-pegawai Kerajaan Sarawak yang berkenaan baharu-baharu ini telah membincangkan cadangan memindahkan beberapa jalan utama di Sarawak untuk dijadikan sebahagian jalan raya-jalan raya persekutuan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus telah meminta supaya dinaikkan jalan raya Selayang ke Tanjong Malim. Mengenai perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian ini tidak ada cadangan buat masa ini untuk menaikkan jalan raya Selayang ke Tanjong Malim selain daripada kerja penyelenggaraan yang dilakukan keatasnya dari semasa ke semasa.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini mempunyai rancangan melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk membina lebuhraya Kuala Lumpur ke Tanjong Malim yang mempunyai jajaran baharu yang mana reka-bentuknya sedang disediakan dan dijangka siap reka-bentuk ini pada tahun hadapan. Pelaksanaan projek ini akan juga bergantung kepada kemudahan kewangan negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah menyentuh soal mengenai masalah-masalah penyertaan bumiputera di dalam melaksanakan projek-projek Kerajaan terutama sekali mengenai masalah mendapatkan kerja. Bilangan kontraktor-kontraktor yang kurang di bidang-bidang kerja pakar dan pekerja-pekerja bumiputera yang

tidak dapat layanan yang sewajarnya dari pihak-pihak majikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah memperoleh kerja bukan sahaja dihadapi oleh kontraktor bumiputera tetapi oleh semua kontraktor kerana bilangan kerja yang berkurangan semenjak akhir-akhir ini disebabkan oleh kemelesetan ekonomi.

Mengenai latihan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera bagi membolehkan mereka menjalankan kerja-kerja pakar, Kerajaan telah pun melaksanakan melalui beberapa institusi latihan seperti Institut Kemahiran MARA, Institusi Latihan Perindustrian dan Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan. Kementerian Kerjaraya juga ada menjalankan latihan-latihan yang berbentuk kursus asas kontrak binaan yang bermula dari tahun 1978 dan kursus lanjutan kontrak binaan yang bermula dari tahun 1979. Setakat ini 56 kursus asas kontrak binaan telah dijalankan yang mana telah dapat melatih seramai 2,066 peserta-peserta. Bagi kursus lanjutan kontrak binaan sebanyak 11 kursus telah diadakan yang telah dapat melatih seramai 510 peserta-peserta.

Mengenai layanan yang tidak sewajarnya oleh majikan terhadap pekerja-pekerja bumiputera ini, saya suka menasihatkan pekerja-pekerja berkenaan supaya melaporkan kepada Jabatan Buruh yang berhampiran dengan tempat kerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara mengenai bekalan air. Dalam hal ini saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan telah melaksanakan projek-projek yang tertentu untuk memenuhi keperluan bekalan air di seluruh negara kita. Berasaskan kepada peruntukan yang dapat disediakan

oleh Kerajaan untuk Rancangan Malaysia Keempat sahaja, peruntukan sebanyak \$2,208.68 juta telah dan akan dibelanjakan termasuk tahun 1985 yang mana berjumlah \$532.5 juta akan dibelanjakan. Dalam hal ini perhatian yang sewajarnya adalah diberi untuk bekalan air ke kawasan-kawasan luar bandar sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang bekalan air yang mencukupi untuk semua penduduk-penduduk di negara kita ini pada tahun 2015 adalah menjadi matlamat Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menyentuh mengenai hasil-hasil kewangan Kerajaan dari sumber bukan cukai khususnya seperti kutipan tol. Beliau telah melahirkan kehairanannya tentang mengapa jumlah kutipan tol pada tahun 1984 hanya berjumlah \$400,000 sahaja berbanding dengan anggaran sebanyak \$3 juta. Dalam perkara ini sukalah saya menjelaskan bahawa kutipan tol sebanyak \$400,000 itu adalah untuk anggaran kutipan tol di Tambak Johor sahaja itupun untuk satu bulan yang mula dikenakan pada 1hb November 1984, tetapi jumlah anggaran kutipan tol untuk semua lebuhraya di bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia yang mana tol telah dikenakan iaitu di Tanjong Malim/Slim River, Kuala Lumpur/Seremban, Kuala Lumpur/Karak termasuk Tambak Johor bagi tahun 1984 adalah dianggarkan berjumlah lebih kurang \$21 juta.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah melahirkan kemusykilan beliau mengenai pembaziran akibat dari penggunaan perkhidmatan pakar perunding untuk projek-projek kecil seperti pembinaan plaza di lebuhraya Kuala Lumpur/Karak. Mengikut beliau Kementerian Kerjaraya telah memohon \$8 juta untuk pembinaan ini oleh kerana wang itu perlu

dibelanjakan bagi perkhidmatan pakar perunding. Apa yang telah diluluskan mengikut Ahli Yang Berhormat adalah \$2 juta tetapi perbelanjaan sebenarnya ialah \$4 juta.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara ini sukalah saya menjelaskan bahawa perbelanjaan untuk pembinaan plaza-plaza tol dan pemasangan alat-alat pengutip tol di lebuh raya Kuala Lumpur/Karak adalah berjumlah \$5.44 juta di mana pembayaran perkhidmatan pakar perunding adalah sebanyak \$340,000. Wang yang dibelanjakan untuk perkhidmatan pakar perunding ini adalah untuk kerja-kerja reka-bentuk dan penyeliaan pembinaan plaza-plaza tol ini.

Pada pendapat Kementerian ini kerja-kerja reka-bentuk dan penyeliaan ini adalah satu kerja yang memerlukan perkhidmatan pakar perunding yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam hal ini. Oleh hal yang demikian, perkhidmatan pakar perunding didapati munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian serta memberi teguran dan pandangan mengenai perkara-perkara berkenaan dengan Kementerian saya ini. Saya suka memberi jaminan bahawa segala teguran dan pandangan serta syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan tetap diberi perhatian dan kajian yang mendalam. Sekiranya didapati sesuai teguran dan pandangan tersebut akan dilaksanakan atau dijadikan panduan untuk pentadbiran Kementerian saya. Saya juga mengucapkan penghargaan terhadap kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian saya dan saya berharap kerjasama seperti

ini akan terus diberikan pada masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menjawab bagi pihak Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan khususnya membincangkan isu-isu yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan izinkan saya memberi ulasan terhadap perkara-perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai kempen membeli barang-barang Malaysia. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Tampin, Julau dan lain-lain kerana telah menyokong kempen tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memanglah menjadi tujuan Kerajaan apabila mengadakan "Kempen Beli Barangan Malaysia" ini untuk menggalakkan penggunaan barang-barang yang dibuat dan yang boleh dibuat oleh syarikat-syarikat pengeluar tempatan sama ada yang besar ataupun di peringkat industri kecil.

Kerajaan akan terus menggalakkan pengeluar-pengeluar tempatan mengeluarkan barang-barang bermutu dengan jumlah yang mencukupi dan harga yang berpatutan.

Mengenai penubuhan pasukan-pasukan petugas pengguna seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, sukacita saya memaklumkan bahawa pasukan-pasukan petugas berkenaan telahpun ditubuhkan di bawah naungan Majlis Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan dan juga di bawah Kempen Membeli Barang-barang Malaysia.

Saya suka menyatakan bahawa memanglah menjadi hasrat Kerajaan supaya barang-barang yang diperlukan oleh pengguna-pengguna baik yang diimport atau dibuat dalam negeri bermutu, selamat digunakan dan dijual dengan harga yang berpatutan. Untuk mencapai hasrat ini, Kerajaan memerlukan kerjasama semua pihak iaitu pengimport, pengilang, penganjur dan pengguna. Adalah diharapkan dengan kerjasama semua pihak, beberapa peraturan dapat digubal dan dilaksanakan supaya matlamat kita dapat dicapai.

Kementerian saya menyambut baik syor Ahli Yang Berhormat dari Ipoh supaya Kerajaan memajukan industri gantian import sebagai salah satu langkah untuk memperbaikiimbangan perdagangan. Kempen Membeli Barang Buatan Malaysia yang akan dilancarkan pada awal tahun 1985 nanti merupakan satu usaha untuk menyokong perkembangan industri ini.

Mengenai kebimbangan Ahli Yang Berhormat tersebut terhadap mutu keluaran industri gantian import, saya berpendapat bahawa dengan wujudnya persaingan dalam pasaran tempatan di antara para pengilang dan dengan bertambahnya kesedaran para pengguna, keluaran-keluaran yang bermutu rendah akan kehilangan pasarnya. Pengilang-pengilang berkenaan mempunyai kepentingan untuk meningkatkan mutu keluaran mereka sama ada melalui usaha

dalaman atau dengan kerjasama agensi-agensi penyelidikan Kerajaan seperti SIRIM, RRI, MARDI dan PORIM.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh juga mencadangkan supaya diutamakan kemajuan industri gantian import berbanding dengan industri yang berorientasikan eksport kerana sikap perlindungan di pasaran luar negeri.

Saya percaya bahawa amalan perlindungan ini boleh diatasi sekiranya mutu dan harga keluaran tempatan menepati kehendak pasaran luar negeri. Ini memerlukan tindakan yang positif dari para pengilang dan tidak terlalu bergantung sangat kepada bantuan dan subsidi dari pihak Kerajaan.

Oleh kerana pasaran tempatan dianggap kecil untuk beberapa jenis keluaran, Kerajaan akan terus memberi galakan untuk meluaskan pasaran eksport. Selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia, Kementerian saya dan sektor swasta akan mengadakan perbincangan sebelum akhir tahun ini mengenai beberapa isu termasuk perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

Mengenai penubuhan industri berat yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa penubuhan industri-industri berat adalah diperlukan untuk menguatkan dan memperkukuhkan asas sektor pembuatan dengan mengurangkan penggantungan kita kepada negara-negara asing bagi bekalan mesin dan input-input perantaraan, mengeksploitasikan hubungan hubungan kebelakangan dan ke depan serta usaha-usaha (dengan izin) "spin-off", menubuhkan industri-industri kecil, pertengahan dan sokongan dan juga membangunkan

kebolehan-kebolehan teknologi dalam sektor pembuatan.

Penubuhan industri-industri berat tidak menjejaskan pihak kerajaan untuk menggalakkan penubuhan industri-industri teknologi tinggi. Selain dari keperluan meningkatkan kepakaran teknikal dan kebolehan-kebolehan teknologi warganegara Malaysia, pihak Kerajaan menyedari bahawa pembangunan industri-industri teknologi tinggi juga adalah penting sekiranya Malaysia ingin menandingi dunia dan berasing dari segi pembangunan perindustrian.

Sebenarnya, penggalakan dan penubuhan industri-industri teknologi tinggi berasaskan kejituan adalah merupakan salah satu dari enam objektif-objektif penting Rancangan Malaysia Keempat. Selangkah ke arah ini telah dibuat apabila projek-projek elektronik berjenis teknologi yang lebih tinggi dan bercorak dengan izin, "capital-intensive" digalakkan secara aktif dalam akhir tahun 1970an dan awal 1980an sebagai perkembangan logikal pembangunan industri elektronik.

Selain dari industri elektronik, sektor pembuatan juga digalakkan supaya melabur dalam bidang operasi teknologi tinggi lain termasuk pengilangan barangan kejuruteraan yang tinggi kejituannya, komponen-komponen komputer dan komputer, peralatan saintifik dan kesihatan, sebagai contoh. Sektor swasta juga telah berkali-kali digesa untuk membesarkan dan memodenkan operasi-operasi mereka bagi meninggikan gred kepakaran teknikal dan teknologi untuk menandingi dalam pasaran-pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang berhormat daripada Mas Gading dan Kota Kinabalu tentang dasar perlindungan yang diamalkan oleh

negara maju, negara kita juga mempunyai cara-cara atau saluran-saluran tertentu untuk menyuarkan bantahan kita mengenai dasar tersebut. Antara cara-cara dan saluran yang kita gunakan ialah seperti berikut:

- (i) Menyertai perundingan yang dianjurkan oleh (dengan izin) General Agreement on Tariff and Trade (GATT) dan United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD);
- (ii) Perundingan dua hala dan dialog ASEAN dengan negara-negara maju.

Melalui dialog dan perundingan-perundingan negara-negara membangun termasuk Malaysia telah meminta negara-negara maju mengurangkan dan menghapuskan amalan perlindungan mereka yang telah menjejaskan eksport daripada negara-negara membangun. Di samping itu negara-negara maju juga dipinta supaya memberi layanan keutamaan kepada eksport tertentu daripada negara-negara membangun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui usaha-usaha tersebut telah mendatangkan beberapa faedah seperti berikut:

- (i) Pengurangan kadar tarif ke atas eksport telah diperolehi melalui perundingan berbagai hala anjuran GATT. Dalam pusingan perundingan yang terakhir iaitu Tokyo Bound, 1973-1979 negara-negara maju telah bersetuju memberikan pengurangan tarif sebanyak 30% dalam tempoh tujuh tahun mulai Januari, 1980.
- (ii) Negara-negara maju telah juga bersetuju melanjutkan tempoh sistem keutamaan am (Generalised System of Preferences—GSP) melalui perundingan di bawah

UNCTAD. Di bawah skim ini eksport tertentu keluaran Malaysia mendapat layanan keutamaan tarif. Ini termasuk barang-barangan separa perkilangan dan perkilangan.

Memandangkan kepada hakikat bahawa negara-negara maju masih merupakan pasaran utama eksport kita dan dasar perlindungan semakin ketara di kalangan negara-negara maju, Kerajaan telah dan sedang mengambil daya usaha untuk memperbagaikan pasaran. Melalui cara ini pasaran keluaran eksport negara-negara membangun akan dapat diperluaskan lagi dan tidak hanya bergantung kepada pasaran tradisional di negara-negara maju sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh pembangunan Industri Kecil di bandar dan juga di luar bandar.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kinabalu, Pasir Puteh, Kuala Lumpur Bandar, Sungai Petani dan lain-lain telahpun mencadangkan bahawa Kerajaan menggalakkan pembangunan industri kecil di luar bandar dan industri-industri kecil ini terutamanya milik bumiputera dan menggunakan mesin dan jentera yang "up-to-date" untuk meninggikan pengeluaran mereka.

Dalam hal ini Kerajaan sememangnya menyedari dan memberi keutamaan kepada pembangunan industri-industri di luar-luar bandar supaya sumber-sumber asli tempatan dapat digunakan sambil memberi pekerjaan dan pendapatan yang lebih kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Selain daripada itu Kerajaan juga memberi pelepasan-pelapasan cukai bagi perusahaan-perusahaan kecil dan

juga besar yang mengadakan industri-industri mereka di kawasan yang kurang maju, terutamanya di luar bandar.

Penggunaan alat-alat jentera dan mesin-mesin yang sesuai di kalangan perusahaan kecil terutamanya bumiputera memang sentiasa diberikan perhatian. Dalam hal ini Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah Pusat Pameran dan Rujukan Teknologi di Kuala Lumpur yang mana satu daripada tujuannya ialah untuk memperkenalkan mesin-mesin yang sesuai bagi meningkatkan pengeluaran perusahaan-perusahaan kecil. Pameran bergerak telahpun diadakan di Ipoh, Perak dan di Kuantan, Pahang dalam tahun ini untuk mendedahkan penggunaan teknologi moden di kalangan pengusaha-pengusaha kecil di kawasan-kawasan ini.

Dalam hal ini saya ingin maklumkan bahawa Kerajaan sudahpun banyak memberi kemudahan-kemudahan untuk mewujudkan perusahaan kecil di negara ini. Kemudahan-kemudahan yang disediakan termasuklah pinjaman modal, nasihat-nasihat teknikal, tapak-tapak untuk industri kecil dan juga kemudahan-kemudahan pemasaran. Dari segi kemudahan pinjaman modal, bank-bank perdagangan adalah diarahkan untuk memperuntukkan sebahagian daripada pinjaman-pinjaman mereka kepada perusahaan-perusahaan kecil. Dari segi bantuan teknikal, agensi-agensi teknikal seperti Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) dan lain-lain agensi Kerajaan sentiasa memberi bantuan-bantuan dalam segi teknik-teknik pengeluaran penggunaan mesin-mesin pengurusan dan lain-lain lagi. Selain daripada itu Kerajaan juga telahpun membina satu

kawasan khas tapak-tapak perusahaan kecil di Pengkalan Chepa, Kelantan yang mana usahawan-usahawan kecil diberi bimbingan secara bersepadu. Begitu juga dari segi pemasaran, Kerajaan sentiasa membantu usahawan-usahawan kecil. Misalnya, satu program pemasaran bersepadu telahpun dilancarkan pada bulan September yang lalu untuk membantu pengusaha-pengusaha bahan-bahan makanan bumiputera memasarkan keluaran mereka melalui Pernas Edar Sdn. Bhd.

Sementara itu kajian-kajian projek juga dilakukan oleh beberapa agensi Kerajaan untuk mengenalpasti projek-projek perindustrian yang boleh dilaksanakan oleh pengusaha-pengusaha kecil. Kementerian saya juga telah mengenalpasti beberapa jenis keluaran untuk dikhaskan kepada perusahaan kecil sahaja. Dari masa ke semasa keluaran-keluaran ini akan ditambah untuk membolehkan pengusaha-pengusaha kecil menikmati peluang lebih yang lebih luas untuk menyertai bidang perindustrian negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tampin berharap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus mengeluarkan AP-AP yang terkawal kepada pengimport-pengimport kereta baikpulih bumiputera sehinggalah kita berjaya mewujudkan industri baikpulih kereta kita sendiri, juga bersikap tegas kepada pengimport-pengimport kereta baikpulih bumiputera yang telah mengalibabakan AP-AP mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengimportan kenderaan bermotor adalah tertakluk kepada perlesenan import. Pada masa sekarang jumlah syarikat yang diberi kuota kereta import adalah sebanyak 182. Walau bagaimanapun, jumlah syarikat yang akan dibenarkan import

kereta bagi sesuatu tahun adalah diulangkaji dari semasa ke semasa, bergantung kepada keupayaan pengeluaran dan pemasangan kereta-kereta tempatan.

Kementerian saya sentiasa mengawasi, menasihati dan memandu mereka dalam hal ini. Bagi mereka-mereka yang telah menyalahgunakan lesen-lesen yang diberikan, Kementerian telah mengambil tindakan-tindakan seperti membatalkan pemberian kuota, menahan pengeluaran lesen import ataupun mengurangkan jumlah kuota yang telah diperuntukkan. Setakat ini sebanyak 9 syarikat telah diambil tindakan seperti di atas.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Kimanis mengenai kenaikan harga barang-barang di Sabah, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya memang sentiasa mengkaji arah aliran harga barang-barang keperluan supaya kenaikan harga barang-barang ini dapat disekat dari melambung naik dengan berleluasa. Walau bagaimanapun jumlah barang-barang yang boleh dikawal harganya adalah terhad dan tidak praktikal bagi Kerajaan mengawasi semua harga barang-barang. Oleh kerana negara kita mengamalkan sistem terbuka, maka adalah penting bagi pengguna-pengguna mengamalkan disiplin yang tinggi apabila berbelanja. Pengguna-pengguna hendaklah bijak berbelanja dan membeli barang-barang yang harganya sesuai dengan pendapatan mereka. Di samping itu kita juga haruslah tidak terlalu bergantung kepada barang-barang import jika barang-barang berkenaan ada dibuat di dalam negara ini.

Yang Berhormat dari Julau meminta Kementerian membuat pemeriksaan mengesan barang-barang tiruan yang kebanyakannya

menggunakan jenama-jenama yang popular seperti pakaian (kain batik) dan lain-lain. Kementerian saya melalui Bahagian Penguatkuasa memang sentiasa membuat pemeriksaan bukan sahaja di pusat-pusat beli-belah tetapi juga di tempat-tempat lain di seluruh negara untuk mengesan barang-barang tiruan terutamanya barang-barang yang bersangkutan dengan kesihatan dan keselamatan. Sehingga 31hb Oktober, 1984 sebanyak 1,564 kes barang-barang tiruan telah diambil dan barang-barang tiruan bernilai \$21,460,664 telah pun dirampas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kejayaan mencegah kegiatan membuat dan menjual barang-barang tiruan ini banyak bergantung kepada aduan-aduan dan maklumat-maklumat yang diberi oleh pengeluar-pengeluar barang yang tulin khasnya dan pengguna-pengguna amnya. Oleh yang demikian Kementerian saya mengalu-alukan sebarang aduan dan maklumat atas kegiatan mengeluar dan mengedarkan barang-barang tiruan ini untuk menjaga bukan sahaja kepentingan pengguna-pengguna, tetapi juga kepentingan pengeluar-pengeluar yang mengeluarkan barang-barang tulin.

Mengenai Plan Induk Perindustrian yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kepong, sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) buat masa ini sedang menjalankan kajian Plan Induk dengan bantuan dari pakar-pakar UNIDO. Pelan Induk dijangka akan siap pada Jun 1985. Sukacita juga dimaklumkan bahawa kajian ke atas sistem galakan merupakan salah satu daripada beberapa kajian khas dan kajian ini bertujuan menggalakkan pertumbuhan berbagai-bagai industri oleh sektor swasta.

Mengenai saranan Yang Berhormat dari Lambir supaya lebih banyak industri didirikan di Sarawak, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, 'commitment' Kerajaan dengan dasar menyebarkan industri ke kawasan-kawasan maju adalah bertujuan untuk mencapai pembangunan perindustrian yang lebih seimbang di antara kawasan-kawasan di negara ini. Dalam hubungan ini, Ahli Yang Berhormat mungkin ingin mengambil maklum bahawa di antara tahun 1971 dan tahun 1983, sejumlah 302 projek-projek perindustrian telahpun diluluskan bagi Negeri Sarawak. Kelulusan-kelulusan ini mewakili lebih kurang 5 peratus daripada 5,907 kelulusan bagi seluruh Negara. Dengan itu Negeri Sarawak menduduki tempat ketujuh dari segi kelulusan di kalangan negeri-negeri di Malaysia dan juga telah mendahului negeri-negeri Kedah, Melaka, Pahang, Negeri Sembilan, Kelantan, Trengganu dan Perlis. Kelulusan yang diberi bagi Negeri Sarawak mempunyai cadangan pelaburan modal yang berjumlah \$4,252 juta yang merupakan 14.4 peratus daripada jumlah cadangan pelaburan modal bagi seluruh Negara. Berbanding dengan negeri-negeri lain, jumlah cadangan pelaburan modal bagi Negeri Sarawak kurang sedikit daripada Negeri Selangor yang menduduki tempat teratas sekali di Negeri di Malaysia.

Kerajaan akan terus menggalakkan lebih banyak lagi projek-projek perindustrian ditubuhkan di Negeri Sarawak dengan tumpuan khas diberi kepada industri-industri yang akan menggunakan sumber-sumber yang terdapat di negeri tersebut. Dalam hubungan ini Ahli Yang Berhormat mungkin juga ingin mengambil maklum bahawa dari projek-projek yang diluluskan di antara tahun 1971 hingga 1983, bagi Negeri Sarawak, termasuklah industri-industri yang akan menggunakan sumber-sumber

tempat seperti kayu kayan, gas dan minyak. Dari projek-projek yang diluluskan ini lebih kurang 19.6 peratus masing-masing adalah bagi industri kayu dan barang-barang kayu dan pengilangan makanan, 9.4 peratus bagi barang-barang bukan logam, 9.1 peratus bagi kimia dan barang-barang kimia dan 8.2 peratus bagi barang-barang logam dibentuk.

Tuan Yang di-Pertua, demikian sahaja ulasan yang dapat saya berikan kepada sebahagian daripada ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1985 yang telah menyentuh mengenai Kementerian saya. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kementerian saya juga akan mengkaji dan mengambil tindakan yang sesuai terhadap perkara-perkara yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk menjawab.

5.50 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Kinabalu telah menggesa Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menstabilkan harga komoditi utama negara kita. Ahli Yang Berhormat dari Parit juga mencadang supaya Kerajaan mencari jalan bagi menaikkan harga getah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa sedar bahawa kestabilan harga barangan utama adalah sangat penting terhadap taraf sosial ekonomi kebanyakan penduduk negara ini khususnya pekebun-pekebun kecil, pekerja-pekerja ladang dan lombong

dan juga mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini sesuai dengan dasar Ekonomi Baru. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menentukan harga barangan utama stabil pada peringkat yang munasabah dan ekonomik kepada rakyat negara ini. Beberapa langkah telah, sedang dan akan diambil.

Di antara langkah-langkah tersebut termasuklah penyertaan Malaysia dalam perjanjian barangan utama antarabangsa di kalangan negara-negara pengeluar dan pengguna yang bertujuan untuk menstabilkan harga pada paras yang ekonomik kepada pengeluar dan saksama kepada pengguna. Malaysia juga berusaha untuk menubuhkan Persatuan Pengeluar-pengeluar Barangan Utama bagi memajukan kepentingan barangan utama. Kerajaan juga terus mempergiatkan usaha-usaha mengukuhkan pasaran barangan utama yang sedia ada dan mencari pasaran baru bagi barangan utama menerusi pengurangan dan penghapusan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif di pasaran-pasaran luar negeri. Kerajaan juga giat berusaha untuk memperkukuhkan penyelidikan dan pembangunan secara bersepadu di antara pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran serta bekerjasama dengan sektor swasta untuk mencapai kecekapan yang lebih tinggi dan keberkesanan kos dan meningkatkan mutu keluaran. Kerajaan juga sentiasa berusaha memperbaiki lagi peraturan pemasaran yang termasuk perdagangan balas dan pengeksporan secara langsung dari pelabuhan-pelabuhan Malaysia serta memajukan lagi Bursa Komoditi Kuala Lumpur untuk perdagangan hadapan barangan utama. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menggalakkan pemprosesan barangan utama dalam negara ini untuk memperolehi nilai-tokok yang lebih tinggi disamping

mendapatkan peluang pekerjaan. Semua usaha-usaha tersebut di atas adalah bertujuan untuk mengujudkan pasaran dan permintaan terhadap barangan utama Malaysia supaya permintaan akan kekal dan oleh yang demikian pengeluar kita akan mendapat harga yang berpatutan dan stabil.

Berhubung dengan getah asli, Kerajaan telah menjadi ahli Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) yang dianggotai oleh negara-negara pengeluar dan pengguna getah asli. Mengikut perjanjian ini, satu stok penimbal sebanyak 550,000 tan telah diperuntukkan bagi menstabilkan harga getah asli. Setakat ini sebanyak 270,000 tan metrik getah asli telah dibeli oleh Pengurus Stok Penimbal INRO bagi menahan kemerosotan harga getah asli yang berlaku dalam tahun-tahun yang lepas di antara akhir 1981 hingga awal 1983 disebabkan kemelesetan ekonomi dunia. Malaysia juga menganggotai Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) untuk mengeratkan lagi kerjasama di kalangan negara-negara pengeluar getah asli bagi melindungi kepentingan pengeluar-pengeluar getah asli. Pada tahun 1982 semasa harga getah merosot dengan teruk ahli-ahli persatuan ini telah menggesa pihak industri di negara masing-masing untuk mengurangkan bekalan getah asli pada satu masa sementara itu. Di peringkat dalam negeri pula, Kerajaan telah meminta agensi-agensinya seperti RISDA dan MARDEC untuk menyediakan saluran pasaran bagi pekebun-pekebun kecil khususnya semasa keadaan harga dan permintaan yang tidak menggalakkan. Agensi-agensi ini juga mengujudkan persaingan dengan pihak swasta yang membolehkan harga yang munasabah ditawarkan kepada pekebun-pekebun kecil.

Mengenai timah, Kerajaan telah menjadi ahli Perjanjian Timah

Antarabangsa (ITC) Ke 6 yang dianggotai oleh negara-negara pengeluar dan pengguna kecuai Amerika Syarikat. Di bawah perjanjian ini, Majlis Timah Antarabangsa (ITC) telah memperuntukkan stok penimbal biasa sebanyak 30,000 tan timah logam yang dibiayai oleh sumbangan negara-negara anggota dan tambahan stok bersamaan 20,000 tan metrik timah yang dibiayai daripada pinjaman dengan mengguna waran sekuriti timah sebagai cagaran. Selain daripada pelaksanaan stok penimbal, Perjanjian ini telah meneruskan penguatkuasaan kawalan eksport timah terhadap negara-negara yang bermula pada Perjanjian Timah Antarabangsa Kelima memandangkan kelebihan bekalan timah di pasaran dunia. Malaysia juga telah mempelopori penubuhan Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) untuk meningkatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dan mengeratkan kerjasama pemasaran timah di kalangan negara-negara pengeluar timah. Memandangkan penjualan oleh pihak GSA Amerika Syarikat menimbulkan keadaan ketidak-tentuan dalam pasaran dan harga timah Malaysia telah mempelopori satu, dengan izin, "Memorandum of Understanding" di antara negara-negara pengeluar timah ASEAN dengan Amerika Syarikat untuk menghadkan penjualan timah GSA tidak melebihi 3,000 tan metrik setahun pada 1983/84. Untuk mengawal penyeludupan, Ordinan Kawalan Timah tahun 1954 telah diperluaskan bidang penguatkuasaannya. Hasil daripada usaha-usaha ini harga timah nampaknya telah dapat dipertahankan di peringkat ITA iaitu sebanyak 29.15 sen sekilo.

Mengenai kelapa sawit pula, kita sedar bahawa ada kalanya harga minyak kelapa sawit tidak stabil kerana terdapat persaingan dengan 16

jenis lain minyak sayuran dan lemak makanan. dalam hal ini usaha-usaha telah, sedang dan akan dijalankan untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan minyak kelapa sawit bagi mengurangkan kos pengeluaran, meninggikan mutu produk dan juga meningkatkan usaha pemasaran ke negara-negara membangun di mana penggunaan per kapitanya adalah masih lagi kurang dan potensi penggunaan adalah besar. Kerajaan juga sedang melaksanakan projek "pilot" bagi menukarkan minyak kelapa sawit ke diesel. Usaha seperti ini boleh menjadi sebagai satu jaminan supaya bekalan yang berlebihan dapat dikeluarkan daripada pasaran dan dengan itu dapat diimbangkan dengan permintaan dan akhirnya harga boleh distabilkan.

Bagi kayu-kayan pula, Kerajaan juga sentiasa menjalankan usaha-usaha bagi meluaskan pasaran dengan negara-negara pengguna di samping memberi perlindungan kepada pengusaha tempatan seperti yang telah dicadangkan dalam Ucapan Belanjawan iaitu menaikkan duti import terhadap papan lapis kepada 45% supaya dapat mengawal persaingan yang tidak sihat daripada pembekal-pembekal luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas supaya Kerajaan memperluaskan aktiviti-aktiviti penanaman getah di Sabah dan Sarawak demi mengekalkan negara kita sebagai pengeluar getah asli utama di dunia, sukacita saya mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai rancangan meluaskan tanaman getah seperti yang telah diperuntukkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Saya dapati negeri Sarawak terus ingin membuka lebih banyak lagi tanah untuk tanaman getah. Mengenai Sabah pula, oleh kerana masalah tenaga buruh dan keluasan kawasan

tanah yang lebih sesuai ditanam dengan kelapa sawit dan koko, Kerajaan Sabah lebih berminat untuk menanam kelapa sawit dan koko getah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bahawa masa depan getah adalah tidak cerah dan dengan itu Kerajaan tidak harus menggalakkan lagi penanaman getah asli, sukacita saya menjelaskan kedudukan getah asli sebenarnya. Walaupun pada masa ini harga getah asli kurang memuaskan tetapi berdasarkan kepada ramalan-ramalan oleh badan-badan antarabangsa seperti Bank Dunia, masa depan getah asli adalah cerah dalam jangka sederhana dan jangka panjang. Ramalan-ramalan ini juga telah disahkan oleh Pasukan Petugas Pakar mengenai Getah Asli Antarabangsa 1983 hingga tahun 2000, yang telah dilantik oleh Kerajaan yang mana telah meramalkan bahawa permintaan dunia bagi getah asli adalah cerah dan akan meningkat dari 3.7 juta tan dalam tahun 1982 kepada 5 juta tan dalam tahun 1990 dan 6 juta tan dalam tahun 2000.

Memandangkan prospek jangka masa sederhana dan panjang bagi getah asli adalah baik, usaha-usaha terus diambil untuk meningkatkan pengeluaran seboleh-bolehnya dari peningkatan produktiviti. Di tanah yang luas yang sesuai ditanam dengan getah dibandingkan tanaman kelapa sawit atau koko, pulangan pendapatan adalah cukup lumayan bagi tanah seperti ini ditanam dengan getah.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat tersebut bahawa penanaman getah asli hendaklah untuk keperluan industri tempatan sahaja, suka saya menyatakan bahawa berdasarkan faktor-faktor yang dijelaskan tadi serta dengan pengeluaran getah asli sebanyak 1.5 juta tan setahun, dan matlamat

penggunaan getah dalam negeri boleh dipertingkatkan dari lebih kurang 65,000 tan setahun sekarang kepada kira-kira 300,000 tan menjelang tahun 2000. Ini bermakna ruang untuk mengeksport getah asli adalah masih luas.

Pertumbuhan industri pembuatan barangan getah adalah terus digalakkan terutamanya bagi tujuan eksport. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru ini Kerajaan telah mengumumkan beberapa galakan bagi mempertingkatkan lagi pertumbuhan industri berasaskan getah. Syarikat-syarikat pembuatan barangan getah bagi tujuan eksport adalah layak mendapat diskaun kadar elektrik di samping membeli getah pada harga diskaun melalui FELDA, MARDEC dan RISDA. Dengan adanya insentif-insentif ini adalah diharapkan bahawa industri berasaskan getah akan berkembang dengan lebih pesat lagi bagi menembusi pasaran eksport.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Baling bagi memindahkan kilang-kilang getah MARDEC di bawah pengawasan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, sukalah saya menyatakan di sini soal MARDEC di bawah pengawasan mana-mana Kementerian tidak menjadi perkara yang perlu dipertikaikan tetapi apa yang lebih penting yang perlu dipertimbangkan ialah mengenai fungsi dan kecekapan MARDEC itu sendiri dalam memberi khidmat kepada pekebun-pekebun kecil.

MARDEC adalah ditubuhkan untuk tujuan memperbaiki mutu keluaran getah dan mengadakan saluran pemasaran kepada pekebun-pekebun kecil getah. Oleh itu, dalam hubungan ini apa yang penting ialah tanggungjawab Kementerian serta pengurusan MARDEC sendiri, bagi

menentukan supaya aktiviti-aktiviti MARDEC dapat dijalankan dengan secara cekap dan berkesan bagi menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil dalam usaha untuk memperbaiki taraf hidup mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak kebelakangan ini dengan pengurusan yang lebih baik dan kerjasama dari beberapa pihak, MARDEC telah berusaha dan berjaya memperbaiki prestasinya. Hasil keluaran MARDEC bertambah dengan memuaskan semenjak tahun 1981 hingga 1984 dan pada masa ini seramai 75,000 pekebun-pekebun kecil terlibat dalam operasi kilang-kilang MARDEC.

Sukacita saya ingin mengambil kesempatan untuk memaklumkan bahawa buat masa ini dengan adanya kerjasama antara pengurusan MARDEC dengan lain-lain agensi di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah seperti FELDA, FELCRA dan RISDA masalah aktiviti antara agensi-agensinya ini telah dapat di atasi walaupun ianya di bawah Kementerian yang berlainan. Dengan itu perkara yang penting di sini ialah kesediaan bagi agensi-agensi Kerajaan untuk bekerjasama tanpa mengira di bawah Kementerian mana ianya diletakkan.

Tuan yang di-Pertua, mengenai seruan Ahli Yang Berhormat dari Ledang supaya Kerajaan mengurangkan cukai eksport dan ses ke atas getah bagi mengurangkan beban sektor pekebun-pekebun kecil, sukacita saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa struktur duti eksport terhadap getah yang berasaskan kepada prinsip 'cost-plus', dengan izin, telah memberi kelonggaran kepada pengeluar-pengeluar, khususnya pekebun-pekebun kecil yang pada masa ini mengeluarkan 65.2% daripada getah asli di negara kita. Sejak struktur duti

ini diperkenalkan pada tahun 1979 harga "threshold", dengan izin, telah

dikaji semula sebanyak lima kali iaitu seperti berikut:

<i>Tarikh</i>	<i>Harga "Threshold"</i>
(1) 18-11-1979—14-12-1980	132 sen sekilogram
(2) 15-11-1980—8-8-1981 ..	143 sen sekilogram untuk estet; dan 154sen sekilogram untuk pekebun kecil
(3) 9-8-1981—21-10-1982 ..	154 sen sekilogram
(4) 22-10-1982—20-10-1983	170 sen sekilogram
(5) Sejak 21-10-1983 ..	180 sen sekilogram

Harga "threshold" bagi getah pada masa ini adalah sebanyak 180 sen sekilogram yang telah dikaji semula sejak bulan Oktober, 1983, Kalau mengikut harga getah RSS I pada paras 205.31 sen sekilogram pada bulan Oktober 1984, duti eksport getah pada masa ini adalah sebanyak 6 sen sekilogram sahaja berbanding dengan 27.5 sen sekilogram pada tahun 1980. Ini bermakna Kerajaan telahpun mengurangkan cukai eksport ke atas getah secara tak langsung dengan menaikkan kadar harga "threshold" tersebut.

Mengenai ses, pada masa ini ses penyelidikan sebanyak 3.85 sen sekilogram adalah dikenakan di Semenanjung Malaysia bagi membiayai usaha-usaha penyelidikan oleh Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia. Ses tersebut adalah penting untuk menjamin kemajuan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan supaya industri ini akan terus berkembang pada masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok dan dari Ledang telah menyentuh tentang industri kelapa sawit. Kerajaan sedang berusaha meningkatkan lagi prestasi industri kelapa sawit negara bagi menjamin penerusan industri ini sebagai salah satu sumber penting kepada ekonomi penduduk luar bandar seterusnya kepada ekonomi negara. Ini dapat digambarkan melalui penggubalan

Dasar Pertanian Negara dan Pelan Industri Barangan Kelapa sawit Negara. Kementerian saya juga sedang berusaha meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti penyelidikan yang bercorak pembangunan seperti pemindahan teknologi, kejenteraan ladang dan lain-lain lagi melalui PORIM terutama ke arah meningkatkan daya pengeluaran dan mutu minyak kelapa sawit. Kementerian saya melalui PORLA juga akan memainkan peranan utama bagi menjamin perjalanan industri kelapa sawit negara yang sihat. Merujuk kepada pembangunan pesat industri kelapa sawit di Kelantan, saya memang bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bachok. Keluasan tanaman telah meningkat dari 25,700 hektar pada tahun 1982 ke paras 29,300 hektar pada tahun 1983. Sementara itu pengeluaran juga dijangka bertambah sebanyak 42,000 tan pada tahun 1984 berbanding dengan pengeluaran sebanyak 35,300 tan pada tahun 1983 di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga telah menyarankan supaya Kerajaan memberi galakan yang sesuai untuk tanaman tembakau. Sukacita saya memaklumkan bahawa pada masa ini insentif-insentif yang sesuai telah pun diberi melalui Lembaga Tembakau Negara. Antara lain, insentif-insentif itu ialah skim Galakan Baja di mana pihak pengilang membiayai 75% dari kos baja dan bakinya dibiayai sendiri

oleh penanam-penanam tembakau. Selain daripada itu Skim Kredit Input Pertanian telah pun disediakan oleh Lembaga Tembakau Negara. Bagi menjamin pendapatan penanam-penanam tembakau adalah adil Kerajaan telah menetapkan harga minima bagi berbagai gred tembakau tempatan. Kementerian saya berpendapat bahawa insentif-insentif tersebut buat masa ini adalah mencukupi untuk menjamin pendapatan dari tanaman tembakau adalah lebih memuaskan dari lain-lain tanaman jangka pendek. Oleh itu, industri tembakau merupakan sektor ekonomi yang penting terutamanya kepada penanam padi seperti yang dipersetujui sendiri oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok.

Mengenai seruan Yang Berhormat dari Ledang juga supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah meningkatkan industri-industri yang berasaskan barangan utama seperti getah dan minyak kelapa sawit, sukacita saya berkata bahawa bagi minyak kelapa sawit, 97% yang dieksport adalah dalam bentuk yang telah diproses ataupun separuh diproses.

Berhubung dengan getah, pihak Kerajaan sedang dalam proses menyediakan rancangan perindustrian jangka panjang (industri master plan) bagi menggalakkan penubuhan galakan memproses getah asli di negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjawab bagi pihak Menteri.

6.16 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara mengenai urusan-urusan Kementerian ini semasa perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1985. Seruan-seruan Ahli-ahli yang Berhormat ini adalah di dalam perhatian Kementerian saya dan saya akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya supaya agensi-agensi di bawah Kementerian saya dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan memberi kepada rakyat perkhidmatan yang lebih selesa dan sempurna. Di samping itu, saya suka mengambil peluang ini untuk menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sepanjang perbahasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tampin telah menyeru Kementerian ini supaya mempelbagaikan sumber pengeluaran tenaga elektrik dan tidak tertumpu sangat kepada sistem rangkaian tenaga kebangsaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa kenaikan harga minyak, bahan api serta ketidak tentuan bekalan minyak, bahan api merupakan satu ancaman kepada negara. Pertambahan permintaan bekalan elektrik dijangka meningkat 10% tiap-tiap tahun sehingga tahun 2000 dan permintaan terbesar datangnya dari penubuhan industri berat di negara ini. Sehingga akhir tahun 1983, jumlah keupayaan penjana kuasa LLN telah meningkat menjadi 2,643 mw dan jumlah tersebut akan meningkat menjadi 4,015 mw di akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat dan pada tahun 2000 dijangka meningkat kepada 6,568 mw. Memandangkan perkara ini usaha-usaha yang lebih giat lagi telah dilakukan untuk mempelbagaikan sumber-sumber penjana yang berasaskan kepada penggunaan gas asli, arang batu, minyak, bahan api dan kuasa hidro.

Sebenarnya adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyalurkan semua tenaga elektrik yang diperolehi dari sumber-sumber di atas kepada rangkaian kebangsaan melalui rangkaian 275KV, 132KV dan 66KV. Memandangkan pembinaan rangkaian kebangsaan akan mengambil masa yang lama maka rancangan tersebut dijangka akan dapat dilaksanakan dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima nanti

Mengenai bekalan elektrik kepada kawasan-kawasan FELDA pula adalah diakui bahawa daripada 226 rancangan FELDA yang telah diduduki hanya 62 rancangan telah dibekalkan dengan elektrik. Untuk mengatasi masalah ini beberapa perbincangan telah pun diadakan. Pihak FELDA boleh mengadakan janakuasa sendiri bagi membekalkan elektrik kepada penduduk-penduduk di rancangannya. Di samping itu Kementerian akan terus mengadakan bekalan mengikut peruntukan yang diluluskan iaitu sebanyak 10 buah rancangan akan dapat dibekalkan elektrik setiap tahun melalui rancangan ini.

Di samping itu sukacita saya memaklumkan bahawa kajian-kajian sedang dijalankan dalam penggunaan teknologi biomas iaitu teknologi penjaanaan elektrik dengan menggunakan bahan-bahan seperti hampas dan buangan sawit. Jika didapati penjaanaan elektrik secara ini ekonomik dan menguntungkan ianya akan digunakan secara meluas atau seluas-luasnya di kawasan-kawasan tanaman kelapa sawit FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batang Lupar telah memuji Kerajaan kerana mengadakan projek hidro di Lubok Antu dan meminta Kerajaan mengkaji kawasan-kawasan lain yang ada potensi hidro di

negeri Sarawak seperti di kawasan Bakun dan di Pelagus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian pelan induk bagi pembangunan sistem tenaga di Sarawak telah dilaksanakan oleh juruperunding dari Jerman dan Switzerland bersama-sama dengan SESCO dalam bulan Disember, 1979. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengkaji potensi pembangunan tenaga hidro di Sarawak khususnya di kawasan tadahan sungai Rajang termasuk kemungkinan menyalurkan sebahagian dari kuasa itu ke Semenanjung. Dalam pelan induk ini yang telah disiapkan pada bulan November 1983 telah dikenal pasti beberapa projek mengikut keutamaan yang didapati sesuai dari segi teknikal dan ekonomi untuk dilaksanakan, iaitu di Bakun, Murun, Pelagus dan Baling. Setakat ini belum ada lagi keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek hidro utama yang telah dikenal pasti itu dan projek manakah yang akan dilaksanakan terlebih dahulu. Namun begitu berasaskan kedudukan yang sedia ada sekarang adalah didapati bahawa projek hidro Bakun mempunyai mirip yang diutamakan dari lain-lain projek yang telah dikenal pasti itu.

Di samping itu Kerajaan juga sedang melaksanakan kajian mengenai pelaburan bagi sektor tenaga (investment study on power sector) di seluruh Malaysia yang dijangka akan siap pada awal tahun 1985 nanti. Keputusan mengenai pelaksanaan potensi-potensi hidro di Sarawak ini hanya akan dibuat oleh Kerajaan setelah selesainya kajian mengenai pelaburan ini iaitu pada pertengahan tahun hadapan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Lubok Antu telah menegur bahawa cara operasi

memindahkan penduduk-penduduk di sekitar projek hidro Batang Ai tidak memuaskan. Beliau menyeru Kerajaan supaya menyediakan terlebih dahulu kemudahan-kemudahan kediaman dan sekolah-sekolah sebelum urusan pemindahan dilaksanakan.

Perlu saya jelaskan di sini bahawa operasi memindahkan penduduk-penduduk di sekitar kawasan projek hidro Batang Ai ini masih terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sarawak SESCO badan yang mengawasi pelaksanaan projek ini adalah merupakan sebuah badan berkanun Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun sukacita saya terangkan di sini bahawa operasi pemindahan telah dijalankan secara dua peringkat. Operasi pemindahan Fasa I telah selesai pada tahun 1982 di mana seramai 1,151 penduduk dari 345 keluarga yang terlibat dipindahkan ke rumah panjang. Fasa II telah selesai pada bulan Oktober tahun ini di mana seramai 1,240 penduduk dari 260 keluarga pula terlibat.

Bagi Fasa II, penduduk terpaksa membuat pondok-pondok sementara kerana rumah-rumah panjang belum lagi siap dibina. Bagi tujuan ini sebanyak \$250 telah diberi kepada setiap keluarga untuk membina pondok-pondok sementara tersebut. Rumah-rumah panjang akan siap dibina sebelum akhir tahun ini.

Sukacita juga saya memaklumkan di sini bahawa kemudahan-kemudahan seperti bekalan elektrik dan air telah dan akan disediakan untuk semua penduduk di tempat mereka dipindahkan. Kerajaan Negeri juga akan membina sebuah pusat pembangunan dengan sekolah, klinik, pejabat-pejabat dan kedai-kedai di kawasan ini. Satu rancangan pembangunan pertanian juga akan

diadakan bagi meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Baling telah meminta Kerajaan supaya mengkaji dengan teliti dahulu sesuatu tapak cadangan projek mini hidro sebelum membina stesen janakuasa dan janganlah seperti projek mini hidro di Sungai Kupang yang telah ditenggelami banjir ketika musim hujan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini setiap projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah dibuat selepas kajian dibuat dengan teliti. Walau bagaimanapun projek-projek yang dilaksanakan secara turnkey, dengan izin, kajian asas mengenai tapak dan lain-lain dibuat oleh syarikat yang melaksanakan projek turnkey tersebut. Projek mini hidro di Sungai Kupang juga telah dilaksanakan secara turnkey oleh syarikat berkenaan.

Sukacita saya maklumkan di sini bahawa kontraktor turnkey yang mengendalikan projek Sungai Kupang sedang berusaha untuk mengatasi masalah banjir tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Parit Buntar telah menyatakan bahawa banyak perkara-perkara boros telah dilakukan oleh LLN. Bagi menjawabnya, ingin saya nyatakan bahawa LLN juga macam agensi-agensi yang lain sentiasa dibawah pengawasan Kerajaan supaya ianya terus merupakan satu badan yang bertanggungjawab dan sentiasa mengutamakan kecekapan dalam segala urusannya, begitu jugalah berkenaan dengan bungalow-bungalow yang dipunyai oleh LLN di tempat-tempat peranginan adalah merupakan kemudahan bagi kakitangannya.

Ada 17 buah bungalow di tempat-tempat seperti berikut:

<i>Tempat</i>	<i>Bungalow (Pegawai Kanan)</i>	<i>Bungalow (Pegawai Rendah)</i>
Pulau Pinang	2	2
Cameron Highland	2	2
Port Dickson	2	4
Kuantan	1	—
Frasers Hill	1	—
Johor Bharu	1	—

Jadi jumlah bungalow bagi Pegawai-pegawai Kanan adalah 9 dan Pegawai Rendah ada 8, menjadikan 17 sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Jumlah kos penyelenggaraan bungalow-bungalow ini adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Kos Penyelenggaraan</i>
1979/1980	\$267,319.00
1980/1981	\$392,551.00
1981/1982	\$304,313.00
1982/1983	\$296,412.00

Sukacita saya memaklumkan di sini bahawa LLN sentiasa mengambil berat tentang kebajikan kakitangan-kakitangannya. Bangunan-bangunan ini disediakan bagi tujuan ini. Semua bangunan ini telah dibina sebelum 10 tahun yang lalu bagi memberi peluang kepada kakitangan-kakitangannya untuk menginap di tempat-tempat peranginan dengan kos yang rendah. Lebih-lebih lagi memandangkan LLN mempunyai hampir 25,000 orang kakitangan maka penyediaan 17 buah

rumah bungalow di tempat-tempat peranginan bagi kebajikan mereka tidaklah nampaknya suatu perkara yang boros.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyeru Kerajaan untuk memperbaiki lagi perkhidmatan elektrik, pos dan telekom, sukacita saya memaklumkan di sini bahawa adalah menjadi hasrat Kementerian saya untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan ini dan memberi perkhidmatan yang cekap bagi kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.